Diterbitkan oleh ;
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus
Terengganu, Malaysia
www.umt.edu.my

Reka bentuk / reka letak dan urus cetak oleh:
Penerbit UMT

LAPORAN TAHUNAN 2016
Universiti Malaysia Terengganu

UMT

LAPORAN TAHUNAN
Universiti Malaysia Terengganu
2016



KONSEP REKA BENTUK

Belangkas habitatnya di kawasan pesisir pantai dan kuala sungai berair payau. Belangkas dikenali dengan nama saintifik *Limulus polyphemus*. Belangkas mempunyai pelbagai kegunaan. Darah berwarna birunya mempunyai nilai harga yang tinggi di pasaran. Belangkas juga mempunyai nilai perubatan, bahan dalam badan belangkas boleh digunakan untuk mengesan virus, bakteria dan toksin. Projek penyelidikan belangkas merupakan di antara projek *flagship translational research*.

Pepatah Melayu, ada mengaitkan sifat belangkas yang setia dan tidak berenggang; "macam belangkas!" Spesies belangkas ini selalu dijumpai berpasangan dan bergerak bersama. Semangat belangkas ini dijelmakan kepada warga UMT yang sentiasa bersatu hati menggerakkan Pelan Strategik UMT, melangkah bersama menuju ke arah universiti berfokus terunggul.

Seluas lautan, **UMT** terus cemerlang sebagai peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik, dengan disokong oleh perancangan strategik dan pelaksanaan yang mapan dan berkesan. Pelbagai cabaran, ranjau dan kesukaran sepanjang tahun 2016 terus diharungi dengan penuh tekad, iltizam dan kesabaran bagi memastikan **UMT** terus konsisten sebagai pusat ilmu, penyelidikan, pemikiran dan pembinaan sumber daya insani yang kompeten dan berintegriti. Seluas lautan juga impian, hala tuju dan komitmen **UMT** terus melebar tanpa bertepi dan tidak pernah terhenti!

Samudera Luas Tanda Keagungan
Ciptaan Ilahi untuk Takulan
UMT terus Menongkah Cabaran
Meneroka Ilmu Tanpa Sempadan

FAKTA DAN NOMBOR





BILANGAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH

	Tempatan	Antarabangsa	Jumlah	%
Doktor Falsafah	291	89	380	3.7
Sarjana	620	19	639	6.3
Sarjana Muda	8,903	5	8,908	87.4
Diploma	264	-	-	2.6
Jumlah	**10,105**	**113**	**10,191**	**100**











BILANGAN PELAJAR PASCASISWAZAH DAN PRASISWAZAH ANTARABANGSA MENGIKUT NEGARA



JAWATANKUASA LAPORAN TAHUNAN

PENASIHAT



Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hasan
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)



Profesor Dr. Nora'aini binti Ali
Pendaftar



Pengerusi
1 **Haji Zukiferee bin Ibrahim**
Pengarah
Jabatan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar

Setiausaha
2 **Zahirah binti A. Razak**
Penolong Pendaftar Kanan
Pejabat Pendaftar

Ahli Jawatankuasa

3 **Shahrul Jama bin Othman**
Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko

4 **Hajah Rohaida binti Hj. Awang**
Ketua Penolong Pendaftar
Pusat Bakat dan Inovasi Akademik

5 **Hazniyati binti Hassan**
Penolong Pendaftar
Pejabat Pendaftar

6 **Aini Zahida binti Din**
Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri

7 **Suriarazila binti Mansor**
Ketua Penolong Bendahari
Pejabat Bendahari

8 **Rozita binti Alias @ Abdul Latiff**
Penolong Pendaftar
Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat

9 **Rabil Sitta binti Abdul Rahman**
Pegawai Penerbitan Kanan
Penerbit UMT

10 **Che Ku Noor Fatihah binti Che Ku Ahmad**
Pegawai Penyelidik Sosial
Pusat Pengurusan Penyelidikan

11 **Aizan binti Ibrahim**
Penolong Pegawai Tadbir
Pusat Pembangunan dan Harta

12 **Suryati binti Salleh**
Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Komunikasi Korporat

13 **Mohd Shahrulnizam bin Zuraimi**
Pustakawan Kanan
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

14 **Shaiful Azahari bin Abd. Manan @ Hassan**
Penolong Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

15 **Zolarman Bin Muhamad**
Pegawai Khas Naib Canselor
Pejabat Naib Canselor

16 **Abdul Rahim bin Haji Uzip @ Othman**
Penolong Pegawai Tadbir
Jabatan Pengurusan Akademik
Pejabat Pendaftar

Urus Setia

17 **Sariyanti binti Salleh**
Pembantu Tadbir P/O
Pejabat Pendaftar

Sekalung Budi:
Media Kreatif Pusat Komunikasi Korporat
Penerbit UMT


UMT
WOW
FACTOR
Bidang Tujahan Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik
Lokasi di persisiran Laut China Selatan
Survival Laut dan Penghayatan Warisan
Makmal Simulator Pengendalian Kapal
HICoE dalam Oseanografi dan Sains Marin - INOS
Makmal Bergerak di Tasik Kenyir
Sea Turtle Research Unit (SEATRU) di Pulau Redang
Kapal RV Discovery
Hatcheri Krustasia tunggal di Malaysia
Stesen Penyelidikan - Pulau Bidong, Chagar Hutang (Pulau Redang), Tanah Bencah Setiu dan Tasik Kenyir

SOROTAN KEJAYAAN 2016



UMT temui spesies baharu ikan gelama dari Terengganu iaitu *Larimichthys Terengganui*.



Prof. Madya Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir dilantik sebagai Ketua Saintis dalam Ekspedisi Pelayaran Saintifik Kebangsaan 2016 di Laut China Selatan.



Dr. Wan Mohd Rauhan bin Wan Hussin terpilih mengikuti Ekspedisi Antartika Malaysia 2016 dengan pembiayaan geran penyelidikan daripada Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan.



Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak menemui spesies Kelulut Emas yang pertama di Malaysia melalui Siri Kembara Borneo.



Nur Sakinah binti Abdul Razak, pelajar Sarjana Sains Marin, PPSMS menerima Anugerah Cushman Foundation Grant USA 2016 dalam penyelidikan Foraminifera.



Penyelidik UMT merangkul satu pingat emas, dua pingat perak dan satu hadiah utama dalam Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016.



Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam bin Mohd Isa memenangi tujuh anugerah dalam Korea Invention News (KINEWS).



Penyelidik UMT merangkul lima pingat emas, empat pingat perak dan empat pingat gangsa dalam International Invention, Innovation dan Technology Exhibition (ITEX) 2016, Kuala Lumpur.



16 pelajar antarabangsa mengikuti program *Erasmus Mundus Masters Course in Tropical Biodiversity and Ecosystem (TROPIMUNDO) di INOS*.



Kejayaan UMTMOOC pada Kolokium Akademik Kebangsaan 2016 (Anugerah MOOC Terbaik dan Anugerah Poster MOOC Terbaik).



35 pelajar antarabangsa dari Chitaggong Veterinary and Animal Sciences University (CVASU), Bangladesh menyertai program mobiliti pelajar di UMT.



Wan Adibah binti Wan Mahari, pelajar Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar) dan Rafizah binti Rahmathullah, pelajar Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) telah mengikuti Young Scholars Program, mereka terpilih daripada 500 permohonan yang diterima oleh AKEPT.



27 pelajar menyertai Novel Research and Innovation Competition 2016 (NRIC) dan Community Research and Innovation Competiton (CoRIC) dan merangkul tiga emas, lapan perak, empat gangsa serta dua Anugerah Khas.



Dua kumpulan pelajar program Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim), PPKK merangkul pingat emas dan perak dalam Apprentice Innovation Research Exhibition (AIREX).



Pelajar UMT merangkul dua pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa dalam sukan tujahan di peringkat kebangsaan dan ASEAN.



UMT meneraju Kajian Sosioekonomi Komuniti Nelayan Sekitar Kuala Nerus dan lebih RM1 Juta daripada ECERDC.



Pasukan kebudayaan UMT laksana terapi seni kepada pelajar istimewa *(syndrome, autism, epilepsy dan slow learner)* untuk pemulihan dan meningkatkan taraf kesihatan mental dan fizikal



UMT-INOS berjaya menganjurkan program Ocean Teacher Global Academy, UNESCO yang melibatkan 44 peserta daripada 14 buah negara.



UMT menjalinkan rangkaian kerjasama dengan 22 buah universiti di Rantau Asia Tenggara dalam bidang perikanan dan akuakultur.



UMT menjalinkan rangkaian kerjasama dalam The Coral Triangle Initiative on Coral Reefs, Fisheries and Food Security (CTI-CFF) dengan kerjasama enam negara iaitu Malaysia, Filipina, Indonesia, Kepulauan Solomon, Papua New Guinea dan Timor-Laste.



Kumpulan KIK UMT memenangi satu Pingat emas di peringkat antarabangsa manakala di peringkat kebangsaan pula, UMT merangkul satu pingat emas dan satu pingat perak.



Buku *Masjid Ulul Albab* menerima Anugerah Buku Negara 2016 dalam kategori Buku Seni Reka Terbaik.



KANDUNGAN

8 Maklumat Korporat Universiti

22 Laporan Naib Canselor

32 Kejayaan dan Pencapaian

38 Kecemerlangan Bakat

54 Pengajaran dan Pembelajaran

68 Pembangunan Pelajar

90 Penyelidikan dan Inovasi

110 Jaringan Industri dan Pemindahan Ilmu

124 Pemantapan Citra

136 Infrastruktur dan Infostruktur

156 Laporan Kewangan

MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI







PELAN STRATEGIK UMT

PEMERKASAAN BAKAT AKADEMIK
- Menarik Bakat Akademik Cemerlang
- Mengasah dan Menggilap Bakat Akademik Cemerlang
- Memperkukuh dan Memperkasakan Bakat Akademik

KECEMERLANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
- Meningkatkan Kemasukan Pelajar Berkualiti (Pelajar Pilihan Pertama)
- Menawarkan Program Berfokus, Relevan, Berkualiti, Berkebolehpasaran Tinggi dan Berimpak Tinggi
- Menawarkan Program Antarabangsa Peringkat Sarjana Muda dan Sarjana
- Memperkukuhkan Governan Pengajaran dan Pembelajaran
- Memperkukuhkan Sistem Pembelajaran Digital dan Luar Kampus

PENGUKUHAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
- Memperkasa Penyelidikan Fundamental
- Mengunggulkan Penyelidikan Berpasukan Berbentuk Multi dan Trans-Disiplin
- Menyemarakkan Budaya Inovasi dalam kalangan Bakat Akademik

MEMACU PEMINDAHAN ILMU
- Menyebarkan Ilmu untuk Masyarakat
- Menyalurkan Ilmu untuk Industri Kecil dan Sederhana
- Memperkasa Perniagaan Universiti

TERAS PEMANTAPAN CITRA
- Melonjakkan Citra Tempatan
- Menonjolkan Citra Kebangsaan
- Memperkenalkan Citra Global

CARTA ORGANISASI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU





Aliran maklumat ke Bahagian Data dan Rekod

Aliran maklumat Data Strategik ke e-Data (TSR)



CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH

D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),
Knight Grand Cross (FirstClass) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand)

Sultanah Terengganu





PRO-CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P., S.P.D.K., D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P., D.G.S.M., A.M.N., S.M.W.

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



Dato' Mohammed Azlan bin Hashim
D.S.P.N.
B.Econs. (Monash)
Mulai 1 April 2016
Pengerusi LPU

Tuan Syed Nasir bin Syed Ahmad
K.M.N.
Dip. Pub. Mgmt., Dip. Info. Mgmt. (INTAN), Dip. In Banking Studies (UiTM), BSc, MBA (USA)
Sehingga 31 Mac 2016
Pengerusi Sementara

Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar
D.P.M.T., J.S.M.
BSc (New York), MSc (Wales), PhD (UTM)
Ahli LPU

Dato' Sr. Abdul Aziz bin Mohamad
M.I.S.M., D.I.M.P., P.K.C.
BSc (H) (Quantity Surveying), UK
Ahli LPU

Dr. Mohd Rozailan bin Mamat @ Ibrahim
B.Eng (Hons) (Electrical) (UM), MSc (Electronics), (Newcastle), PhD (Power Electronics) (Wales)
Ahli LPU

Profesor Dato' Dr. Aziz bin Deraman
D.P.M.T., S.M.T.
BSc (Hons.) (UKM), MSc (Glasgow), PhD (UMIST)
Ahli LPU



Dato' Wan Zakariah bin Haji Wan Muda
D.S.S.A., D.S.A.P.
BSc (Quantity Surveying), UK
Sehingga 15 November 2016
Ahli LPU

Dato' Asmawi bin Nordin
D.I.M.P., P.M.C.
BSc (UPM), MBA (UKM)
Mulai 1 Mei 2016
Ahli LPU

Datuk Ahmad Nizam bin Salleh
P.M.W.
B.A.(Ohio), Advanced Management Program (AMP) (University of Pennsylvania)
Mulai 1 November 2016
Ahli LPU

Datuk Nik Ali bin Mat Yunus
D.P.S.K., P.M.W., K.M.N., P.S.K.
DPA (INTAN), B.A. (Hons.) (UM), MBA (Hull)
Mulai 16 Januari 2016
Ahli LPU

Safida Zalma binti Mohd Piah
DPA (INTAN), BSc (Hons) Zoologi (UM), MSc (HRD) (UPM)
Mulai 1 Julai 2016
Ahli LPU

Dr. Mohamed Ali bin Abdul Rahman
BSc Ed (USM), M.Ed. (Joetsu), PhD (Reading)
Wakil Silih Ganti Kementerian Pendidikan Tinggi

Mohd Nor Shokri bin Abd. Rahman
DPI (KUSZA), B.A. (Hons.) (UKM), MSc (UPM)
Setiausaha/ Pendaftar

SENAT

PENGERUSI:

Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar
D.P.M.T., J.S.M.
BSc (New York), MSc (Wales), PhD (UTM)
Naib Canselor

AHLI:

Profesor Dr. Mohd Lokman bin Husain
S.M.T.
Dip. Fish. (UPM), BSc (Mississippi State), MSc (Florida), PhD (Hull)
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid
D.V.M., PhD (UPM)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Sehingga 14 Oktober 2016

Profesor Madya Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali
BSc, MSc, (USM) PhD (UniMAP)
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Mulai 1 Disember 2016

Profesor Dr. Anuar bin Hassan
BSc (Hons.) (UM), MSc, PhD (Nagasaki)
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Sehingga 30 November 2016

Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hasan
BSc Econ. & Stats., MSc (West Michigan), PhD (Florida State)
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)

Profesor Dato' Dr. Aziz bin Deraman
D.P.M.T.
BSc (Hons.) (UKM), M.App.Sci (Glasgow), PhD (UMIST)
Dekan, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Profesor Dr. Hamdan bin Suhaimi
P.M.P
B.A (California), MSc, PhD (Missouri)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Asas

Profesor Dr. Mazlan bin Abd. Ghaffar
BSc (UPM), MSc (Newcastle), PhD (Wales)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Dr. Ir. Ahmad bin Jusoh
B.Eng. (UPM), MSc (Colorado), PhD (UMT), P.Eng. (M.I.E.M)
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Profesor Dr. Mohd Shaladdin bin Muda
BSc Indiana State University (USA), MSc, University of Southern New Hampshire (USA), PhD University of Lancaster (United Kingdom)
Dekan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Prof. Madya Dr. Amiza binti Mat Amin
B. Tech (USM), PhD (University of Leeds)
Dekan, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Profesor Dr. Asyraf bin Hj Abd Rahman
B.A. (Hons.) (IIUM), M.A. (Leeds, UK), PhD (Edinburgh, UK)
Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
Mulai 1 Disember 2016

Prof. Madya Dr. Aziz bin Ahmad
BSc (Hons.) (UPM), MSc (UPM), PhD (UPM)
Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal
Sehingga 30 November 2016

Prof. Madya Dr. Marinah binti Mohd Ariffin
BSc (USM), MSc (USM), PhD (Glasgow)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
Mulai 15 Ogos 2016

Prof. Madya Dr. Suriyani binti Muhamad
B.Ec. (Hons.) (UM), MSc (London), PhD (Manchester)
Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Prof. Madya Dr. Aidy @ Mohamed Shawal bin M Muslim
BSc (Minnesota), PhD (Southampton)
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran
Mulai 1 Oktober 2016

Profesor Dr. Abol Munafi bin Ambok Bolong
BSc (UPM), MSc (Kochi), PhD (Ehime)
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika
Mulai 1 Disember 2016

Profesor Emeritus Dr. Mohd Azmi bin Ambak
B. Agric. Sc. (Malaya), MSc (Salford), PhD (UPM)
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika
Sehingga 30 November 2016

Profesor Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
BSc, PhD (Wales)
Pengarah, Institut Bioteknologi Marin

Profesor Dato' Dr. Mohd Tajuddin bin Abdullah
D.I.M.P.
Dip. (UiTM), BSc, MSc (West Virginia), PhD (Queensland)
Pengarah, Institut Penyelidikan Kenyir
Mulai 1 Oktober 2016

PROFESOR YANG DILANTIK:

Profesor Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili
J.M.N.
BSc, PhD (Wales)
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Dr. Othman bin Haji Ross
BSc (Hons.) (UM), MSc (Strathclyde), PhD (Queensland)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Profesor Dr. Abd Wahab bin A Rahman
BSc (USM), MSc, London School of Hygiene & Trop. Med., UK, PhD (Univ. of Sydney) D.A.P & E (Semeo-Tropmed.)
Profesor, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Profesor Dr. Sayed Mohd Zain bin Sayed Hasan
BSc (Hons.) (UKM), MSc (Brunel), PhD (Birmingham)
Profesor, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Profesor Dr. Nakisah binti Mat Amin
BSc (Hons.) (UKM), MS. (Mich. State, USA), PhD (Glasgow, UK)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Asas

Profesor Dr. Wan Mohd Norsani bin Wan Nik
BSc (George Washington), MSc (Bath), PhD (UTM)
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Profesor Dr. Nora'aini binti Haji Ali
B.Eng. (UTM), MSc (UMIST), PhD (UKM)
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Profesor Dr. Wan Izatul Asma binti Wan Talaat
LL.B (Hons.) (IIUM), MSc (Law), PhD (Law) (UPM)
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Dr. Najiah binti Musa
D.V.M, PhD (UPM)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Dr. Rosnan bin Yaacob
Dip (UPM), BSc (Florida Tech), MSc (UPM), PhD (Malaya)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
Mulai 1 Oktober 2016

Profesor Dr. Muhammad Ikhwanuddin bin Abdullah
Dip., BSc (UPM), MSc, PhD (UNIMAS)
Profesor, Institut Akuakultur Tropika
Mulai 1 Oktober 2016

Profesor Dr. Norhayati Mohd Tahir
BSc, PhD (University of Bristol)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
Mulai 1 Disember 2016

Profesor Emeritus Dr. Faizah binti Sharoum
P.C.M., J.S.M.
BSc (Hons.) (Qld), PhD (Stirling)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan
dan Akuakultur

AHLI YANG DIKO-OPT:

Profesor Dato' Dr. Saharuddin bin Abdul Hamid
D.I.M.P.
BSc (UPM), MSc (Tokyo), PhD (Wales)
Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah
Mulai 1 Mac 2016

Profesor Dr. Mohd Lazim bin Abdullah
BSc (Malaya), M.Ed. (USM), PhD (UMT)
Pengarah, Pusat Perancangan, Pembangunan
dan Kualiti Akademik
Mulai 1 Mac 2016

Prof. Madya Dr. Hii Yii Siang
BSc (UPM), PhD (UPM)
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan

AHLI *EX-OFFICIO:*

Zahara binti Kedri
C.A.(M)
ADiA (UiTM), DiA (UiTM)
Bendahari
Mulai 4 November 2016

Hajah Nor Azizah binti Kassim
B.C.M
B. Econs. (Hons.) (UM)
Bendahari
Sehingga 3 November 2016

Atip bin Ali
Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
Ketua Pustakawan

Roslina binti Ghazali
LLB (Hons) (UKM)
Penasihat Undang-undang
Mulai 1 Februari 2016

Wan Mariam binti Wan Abdullah
LLB (Hons), MCL (UIA)
Penasihat Undang-undang
Sehingga 31 Januari 2016

SETIAUSAHA:

Mohd Nor Shokri bin Abdul Rahman
Dip. Peng. Islam (KUSZA), SM Peng. Islam (UKM),
M.Sc. (UPM)
Pendaftar

PENGURUSAN UMT

PENGERUSI



Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar
Naib Canselor

AHLI-AHLI



Profesor Dr. Mohd. Lokman bin Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)



Profesor Dr. Mohd. Effendy bin Abdul Wahid
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
sehingga 14 Oktober 2016



Profesor Dr. Anuar bin Hassan
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
sehingga 30 November 2016



Prof. Madya Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
mulai 1 Disember 2016



Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hasan
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)



Mohd Nor Shokri bin Abd. Rahman
Pendaftar



Hajah Nor Azizah binti Kasim
Bendahari
sehingga 3 November 2016



Zahara binti Kedri
Bendahari
mulai 4 November 2016



Wan Mariam binti Wan Abdullah
Penasihat Undang-Undang
sehingga 31 Januari 2016



Roslina binti Ghazali
Penasihat Undang-Undang
mulai 1 Februari 2016



Atip bin Ali
Ketua Pustakawan



Ir. Haji Mohd Zaideen bin Yusoff
Pengarah Pembangunan dan Harta

SETIAUSAHA



Abdullah Syukri bin M. Saleh
Ketua Pentadbiran Canselori

LAPORAN
NAIB CANSELOR







Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terus mara ke hadapan dan menyokong usaha agenda Pendidikan Tinggi Negara dengan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan ke arah yang lebih baik dan relevan berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) melalui sepuluh lonjakan transformatif.

Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi pada tahun 2016 adalah menifestasi komitmen UMT menterjemahkan lima teras utama dalam Pelan Strategik UMT iaitu Bakat Akademik, Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi, Pemindahan Ilmu dan Pemantapan Citra. Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga UMT atas usaha berterusan dalam mencipta kejayaan dan memahat nama UMT di persada pendidikan tinggi negara dan antarabangsa.

Ekosistem Penyelidikan, Pembangunan, Perkomersialan dan Inovasi

Kepakaran marin UMT terus diiktiraf apabila Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) dipilih untuk mengetuai Ekspedisi Pelayaran Saintifik Kebangsaan 2016 (EPSK'2016). Pelayaran ini merupakan usaha sama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), UMT dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Pelayaran selama 45 hari ini melibatkan 70 orang saintis daripada 20 agensi, diketuai oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Fadzil bin Mohd Akhir selaku Ketua Saintis bertujuan mengkaji kelestarian ekosistem marin dalam menghadapi perubahan iklim negara yang semakin tidak menentu. Manakala Dr. Wan Mohd Rauhan bin Wan Hussin telah terpilih untuk mengikuti Ekspedisi Antartika Malaysia 2016 anjuran Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan dengan Kerjasama MOSTI. Ekspedisi ini mengambil masa selama 22 hari.

Institut Oseanografi dan Sekitaran, Institut Bioteknologi Marin, Institut Akuakultur Tropika dan Institut Penyelidikan Kenyir telah memainkan peranan yang besar dalam memastikan bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi sejajar dengan objektif utama Teras Pelan Strategik Penyelidikan dan Inovasi iaitu memperkasakan pendidikan fundamental, mengunggulkan penyelidikan berpasukan berbentuk multi dan trans-disiplin serta menyemarakkan budaya inovasi dalam kalangan ahli akademik.



Barisan Pegawai Utama Universiti dan Sekretariat.

"UMT Berjaya Meraih 17 Pingat, Satu Hadiah Utama dan Tujuh Anugerah Melalui Penyertaan Dalam Penyelidikan"

UMT berjaya meraih 17 pingat, satu hadiah utama dan tujuh anugerah melalui penyertaan dalam pertandingan penyelidikan iaitu International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2016, Seoul International Invention Fair (SIIF) dan Korea Invention News (KINEWS) 2016. Melalui SIIF, penyelidik UMT, Dr. Lam Shu Shiung telah berjaya meraih hadiah utama dan merupakan satu-satunya penerima dari Malaysia dari kalangan 31 buah negara yang terlibat. Penyertaan UMT dalam KINEWS 2016 pula menyaksikan tujuh anugerah diraih oleh Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam bin Mohamad Isa melalui penemuan bio-filem eletrolit baharu berasaskan bahan semula jadi selulosa untuk aplikasi bateri.

Pasukan penyelidik lebah kelulut UMT yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri bin Abd. Razak telah melakar sejarah apabila berjaya menemui spesies lebah kelulut baharu di Malaysia iaitu Kelulut Emas (*Tetragonula sirindhornae*) melalui Siri Kembara Borneo. Lebih menarik, penemuan spesies tersebut turut membuktikan Kelulut Emas yang pertama kali ditemui di Thailand pada tahun 2003, wujud di Malaysia.



Lawatan YB Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia Dato' Sri Idris Jusoh sekitar pantai UMT yang terhakis kesan dari fenomena air pasang besar.

Keterlihatan dan Keunggulan Global

UMT amat berbangga kerana telah menjadi tuan rumah kepada program Ocean Teacher Global Academy (OTGA) di bawah naungan Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC), UNESCO yang mana INOS telah diberi pengiktirafan sebagai salah sebuah *Regional Training Center* (RTC) di peringkat global yang menawarkan latihan berkaitan pengurusan maklumat dan data oseanografi yang melibatkan 44 peserta dari 14 buah negara.

UMT telah mengetuai dua agenda IOC-WESTPAC *Scientific Advisory Group Meeting* yang turut disertai oleh wakil dari Thailand, Vietnam, Indonesia, China, Jepun dan Korea. Dua agenda tersebut adalah berkaitan *Working Group* WG004: *Marine Renewable Energy Technology Development* dan mempromosikan usaha UNESCO/IOC's *International Oceanographic Data and Information Exchange* (IODE) di bawah *Ocean Teacher Programme*.

Program mobiliti antarabangsa pula berjalan melalui kursus *Erasmus Mundus Masters Course in Tropical Biodiversity and Ecosystem* (TROPIMUNDO). Bagi program ini, UMT merupakan satu-satunya universiti di Asia yang terlibat sebagai penganjur dengan kerjasama The Universite Libre de Bruxelles, Belgium. Pada tahun 2016, seramai 16 orang pelajar telah menyertai program ini. Selain itu, UMT melalui Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur telah menerima seramai 35 orang pelajar dari Chitaggong *Veterinary and Animal Sciences University* (CVASU), Bangladesh.

Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang

Kecemerlangan pelajar UMT terbukti apabila Nur Sakinah binti Abdul Razak, pelajar program Master Sains Marin menerima anugerah *Cushman Foundation Grant Award 2016* dalam penyelidikan *Foraminifera. Cushman Foundation* merupakan sebuah yayasan yang menggalakkan penyelidikan berkaitan mikroorganisma dalam laut (*foraminifera*) berpengkalan di New York, USA. Nur Sakinah merupakan salah seorang daripada dua pelajar Asia yang terpilih.

Kemampuan pelajar UMT dalam bidang penyelidikan dan inovasi terus terserlah melalui penyertaan dalam *Novel Research and Innovation Competition* 2016 (NRIC 2016) dan *Community Research and Innovation Competition* (CoRIC). Seramai 27 orang pelajar UMT telah mengharumkan nama UMT apabila berjaya membawa pulang tiga pingat emas, lapan pingat perak, empat pingat gangsa dan dua anugerah khas melalui semua projek yang dipertandingkan.

Pencapaian membanggakan Badan Beruniform Pelajar melalui kejayaan Pasukan Kor SISPA UMT sebagai juara keseluruhan Pertandingan Kemahiran Kawad Kaki dan acara *CD Skill Simulation* dalam Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan Kebangsaan Kor Sispa Kali Ke-7 Tahun 2016. Ini merupakan kejayaan tahun ke-3 berturut-turut bagi Kor SISPA UMT.

UMT telah merangkul pingat gangsa dalam *South East Asian Rowing Federation* (SEARF) Rowing Championship 2016 di Vietnam. Selain itu, UMT telah berjaya merangkul pingat emas dalam Kejohanan UTeM Indoor Rowing Championship 2016 di Melaka. Manakala dalam kejohanan *Varsity Boat Race* 2016, pelajar UMT telah berjaya mendapat pingat Emas dan Perak.

Pengajaran dan Pembelajaran - Pendidikan Fleksibel

UMT telah dipilih sebagai salah satu daripada lima Universiti Awam (UA) terawal dalam pelaksanaan Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA) bermula Semester September Sesi 2015/2016. Pada peringkat fasa pertama, Program Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim telah dipilih sebagai program rintis. Penilaian iCGPA ini akan diperluaskan kesemua pusat pengajian.

Sebagai sokongan kepada konsep pendidikan fleksibel, UMT telah memperkenalkan empat lagi kursus Massive Open Online Courses (MOOC) iaitu Sea Turtle Biology and Conservation, Ornamental Fish Culture, Environmental Management dan Policy dan Fish Parasitology sebagai tambahan kepada empat kursus sedia ada. Sehingga kini, lebih 2,000 pelajar sedang mengikuti lapan kursus MOOC tersebut. Lebih membanggakan, UMT meraih Anugerah MOOC Terbaik dan Anugerah Poster MOOC Terbaik pada Kolokium Akademik Kebangsaan 2016 (NAC 2016).



UMT sebagai hos Majlis Anugerah MAPIM-KPT 2015.



Memorandum Persefahaman (MoU) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) - Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) - Bereau Veritas Malaysia Sdn. Bhd. (BV)

“UMT terus meneroka lautan ilmu ke arah universiti ulung dalam tujahan ilmu kelautan dan sumber akuatik. ”

Kadar Kebolehpasaran Graduan

KPI UMT yang telah ditetapkan oleh KPT ialah meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan kepada sekurang-kurangnya 65% pada tahun 2016. Hasil kesepakatan dan usaha pelbagai pihak melalui peningkatan kerjasama dengan industri serta program menjejak graduan UMT telah berjaya mencapai kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 70.13%, iaitu 5% melebihi sasaran yang ditetapkan. Malah, sejak tahun 2010, inilah kadar tertinggi yang pernah dicapai UMT. Peningkatan ini membuktikan bahawa graduan UMT sememangnya berkualiti dan mampu bersaing di pasaran kerja.

Kelestarian Kewangan

Pengurusan kewangan yang lestari merupakan antara cabaran besar yang perlu ditangani pada tahun 2016 dan tahun-tahun yang mendatang. Ia bukan sahaja ketetapan KPI UMT, malah turut menjadi KPI Kementerian untuk universiti awam menjana pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan kewangan kepada pihak kerajaan. Sungguhpun suasana kegawatan ekonomi, UMT mengekalkan tahap prestasi pengurusan kewangan yang cemerlang. Manakala usaha yang kreatif pula perlu ditingkatkan bersama pemegang taruh di bawah konsep “Quadruple Helix” untuk mengoptimumkan pengurusan sumber dan penjanaan pendapatan universiti.

Penutup

Iltizam membina sebuah organisasi cemerlang perlu digarap dari asas perancangan strategik dan pelaksanaan transformatif. Agenda pengukuhan kerjasama inovatif dan governan sepanjang tahun 2016 telah membawa UMT terus meneroka lautan ilmu ke arah universiti ulung dalam tujahan ilmu kelautan dan sumber akuatik. Walau apa jua pencapaian yang telah diraih pada tahun 2016, masih banyak usaha penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh warga UMT secara berterusan. Setahun yang berlalu menjadi pedoman bermakna dalam mengatur langkah mengharungi cabaran mendatang untuk terus meneroka samudera luas.



Majlis Perasmian Penutup Ijtimak Pondok Malaysia 2016 dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN


RV DISCOVERY



“Meneroka Samudera Biru
Ke Arah Kelestarian Komuniti”

Pencapaian KPI

Kebolehpasaran Graduan

Hasil kesepakatan dan usaha pelbagai pihak, UMT telah mencapai kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 70.13%, 5% melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 65%. Inilah kadar tertinggi yang pernah dicapai sejak tahun 2010. Perbandingan pencapaian bagi tempoh dua tahun adalah seperti **Rajah 1**.



Rajah 1: Perbandingan Prestasi Kebolehpasaran Graduan.

Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Secara keseluruhannya, UMT mensasarkan sekurang-kurangnya 135 orang enrolmen pelajar antarabangsa yang merangkumi 125 orang dalam kalangan pascasiswazah dan selebihnya adalah pelajar prasiswazah. Dari segi pencapaian sebenarnya pula, UMT berjaya mencatat enrolmen pelajar antarabangsa termasuk program mobiliti seramai 151 orang yang terdiri daripada 134 pelajar pascasiswazah dan 17 pelajar prasiswazah. Perbandingan pencapaian bagi tempoh dua tahun adalah seperti **Rajah 2**.



Rajah 2: Perbandingan Prestasi Enrolmen Pelajar Antarabangsa.



Rajah 3: Perbandingan Prestasi Kadar Keciciran Pelajar.



Rajah 4: Perbandingan Prestasi Kadar *Intake Graduate on Time* (iGOT).

Keciciran Pelajar

Keciciran Pelajar adalah merujuk kepada pelajar yang gagal dan diberhentikan, menarik diri daripada pengajian atau bertukar universiti. Kadar keciciran pelajar pada tahun 2016 ialah 8% berbanding 7% sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Perbandingan pencapaian bagi tempoh dua tahun adalah seperti **Rajah 3**.

Intake Graduate on Time (iGOT)

Kadar bergraduat dalam tempoh masa yang ditetapkan (iGOT) pelajar prasiswazah adalah sebanyak 85% berbanding 91% yang disasarkan oleh UMT. Walaupun terdapat penyusutan namun kadar ini masih berada dalam sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Perbandingan pencapaian bagi tempoh dua tahun adalah seperti **Rajah 4**.

Penerbitan Artikel dalam Jurnal Terindeks

UMT telah mensasarkan setiap pensyarah perlu menerbitkan sekurang-kurangnya satu artikel dalam jurnal terindeks. Namun, pencapaian sebenar adalah 0.9 bagi setiap pensyarah. Nisbah yang dicapai ini walau bagaimanapun lebih tinggi berbanding yang ditetapkan oleh kementerian iaitu 0.7 bagi setiap pensyarah (universiti bukan penyelidikan). Perbandingan pencapaian bagi tempoh dua tahun adalah seperti **Rajah 5**.



Rajah 5: Perbandingan Prestasi Penerbitan Artikel dalam Jurnal Terindeks.

Sitasi Kumulatif

UMT telah menetapkan sekurang-kurangnya 14 jumlah sitasi secara kumulatif bagi setiap pensyarah. Berdasarkan glosari baharu yang dikeluarkan oleh Malaysia Research Assessment (MyRA), UMT berjaya mencapai sebanyak 12 nilai sitasi secara kumulatif bagi setiap pensyarah. Jumlah ini adalah lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan oleh pihak kementerian iaitu lima sitasi sahaja. Perbandingan pencapaian bagi tempoh dua tahun adalah seperti **Rajah 6**.



Rajah 6: Perbandingan Prestasi Sitasi Kumulatif.

Penjanaan Pendapatan

UMT telah memberikan penekanan terhadap aktiviti penjanaan pendapatan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan. Sasaran yang telah ditetapkan adalah sebanyak 11.5%, manakala pencapaian sebenar adalah sebanyak 15%. Perbandingan pencapaian bagi tempoh dua tahun adalah seperti **Rajah 7**.



Rajah 7: Perbandingan Prestasi Penjanaan Pendapatan.



KECEMERLANGAN BAKAT


Majlis
Anugerah
17 JULAI 2016
8.00 MALAM



“UMT telah berjaya meningkatkan jumlah ahli akademik berkelulusan ijazah Doktor Falsafah (PhD) kepada 79.66%”

Kecemerlangan UMT bergantung kepada kesalingan peranan dan tanggungjawab kumpulan akademik bersama-sama kumpulan bukan akademik. Penyatuan semua warga kerja akan memacu UMT untuk terus ke hadapan.

Bakat Akademik

Ahli akademik adalah sumber utama bagi UMT mengemudi hala tuju kecemerlangan universiti. Bakat ahli akademik dibangun dan digilap secara konstruktif dan sistematik bagi tujuan ini. Daya usaha untuk mengekalkan bakat akademik yang cemerlang menjadi perhatian utama bagi memastikan daya saing UMT di peringkat global sentiasa mapan dan lestari.

Pelantikan Akademik

Pengisian Jawatan Berdasarkan Waran

Jadual 1 menunjukkan peningkatan pengisian waran jawatan ahli akademik melebihi 6% berbanding tahun 2015. Sebanyak 475 (87.64%) jawatan telah berjaya diisi.

Jadual 1: Pengisian Jawatan Berdasarkan Waran Jawatan Ahli Akademik

Kumpulan	Bilangan Waran	Pengisian	Kekosongan	Pengisian Tahun 2016 (%)	Pengisian Tahun 2015 (%)
Ahli akademik	542	475	67	87.64	81.13

Pengisian Jawatan Berdasarkan Taraf Lantikan

Perincian berkaitan pengisian jawatan ahli akademik mengikut taraf lantikan adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Pengisian Jawatan Berdasarkan Taraf Lantikan

Bil.	Jawatan	Gred/ Kesetaraan Gred	Tetap	Pinjaman	Kontrak	Sementara	Jumlah
Pensyarah Universiti							
1.	Profesor	VK5	3	-	2		5
		VK6	1	2	3		6
		VK7	15	-	6		21
2.	Profesor Madya	DS54	55				55
		DS53	9	-	11		20
3.	Pensyarah Kanan	DS52	117				117
		DS51	165	1	21		187
4.	Pensyarah	DS45	107			6	113
Skim Lantikan Khas							
5.	Profesor Adjung	Gred Khas C			6		6
6.	Profesor Pelawat	Gred Khas C			4		4
7.	Felo Pengajar Utama	KA13 Gred Khas C			2		2
8.	Felo Penyelidik Utama Adjung	Gred Khas C			1		1
9.	Felo Penyelidik Kanan	KA11 (Setara Gred 53)			1		1
10.	Pengajar Khas	KA19 (Setara Gred Khas C)			1		1
		KA20 (Setara Gred 53)			2		2
		KA21 (Setara Gred 51)			1		1
11.	Pasca Kedoktoran	KA06			3		3
12.	Tutor	DA41				16	16
13.	Felo Akademik	KA09				67	67
Jumlah			**472**	**3**	**64**	**89**	**628**

Ahli Akademik Antarabangsa

Seramai 22 orang pensyarah bukan warganegara telah dilantik sehingga tahun 2016 sebagaimana perincian berdasarkan negara di **Jadual 3**.

Jadual 3: Bilangan Ahli Akademik Antarabangsa

Jawatan/Gred	Negara/Bilangan
Profesor Madya (DS53)	Singapura (1), India (1), Indonesia (1), Nigeria (1)
Pensyarah Kanan (DS51)	Kanada (1), Jepun (1), Bangladesh (5), Indonesia (6), Libya (1), Pakistan (1), Sudan (1), Vietnam (2)
Jumlah	**22 orang**

Kenaikan Pangkat Akademik

Seramai 13 orang ahli akademik telah mendapat kenaikan pangkat seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Bilangan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik

Gred Kenaikan Pangkat	2016
Profesor (VK7)	3
Profesor Madya (DS54)	4
Pensyarah Kanan (DS52)	6
Jumlah	**13**

Konferensi dan Latihan Akademik

Seramai 344 orang ahli akademik telah diluluskan menghadiri konferensi dan latihan akademik. Daripada jumlah tersebut, seramai 229 orang (66.57%) telah menghadiri konferensi dalam negara manakala 33.43% telah menyertai konferensi di luar negara. Perincian adalah seperti di **Rajah 8**.



Rajah 8: Penyertaan Konferensi dan Latihan Akademik Dalam dan Luar Negara

Penyertaan dibiayai sama ada secara bantuan kewangan universiti, geran penyelidikan individu, pembiayaan penganjur atau peruntukan sendiri. Berdasarkan **Jadual 5**, 64.9% ahli akademik yang menghadiri konferensi dan latihan dalam negara adalah dibiayai melalui bantuan universiti.

Jadual 5: Jenis Pembiayaan bagi Ahli Akademik yang Menghadiri Konferensi dan Latihan Akademik Dalam dan Luar Negara

Jenis Pembiayaan	Dalam Negara	Luar Negara	Jumlah
Bantuan Kewangan Universiti	229 (69.0%)	115 (58.1%)	344 (64.9%)
Geran Penyelidikan	67 (20.2%)	47 (23.7%)	114 (21.5%)
Penganjur	9 (2.7%)	18 (9.1%)	27 (5.1%)
Peruntukan Sendiri	23 (6.9%)	17 (8.6%)	40 (7.5%)
Vot PTj	4 (1.2%)	1 (0.5%)	5 (1.0%)
Jumlah	332 (100%)	198 (100%)	530 (100%)

Mulai tahun 2016, skop latihan yang dilaksanakan merangkumi tiga komponen utama iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan nilai etika ahli akademik. **Jadual 6** menunjukkan latihan yang dijalankan mengikut kefungsiannya.

Jadual 6: Komponen Latihan Mengikut Kefungsian

Bil.	Perincian Latihan	Penjajaran kepada pencapaian
	Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)	
1.	Bengkel Outcome-Based Education (OBE) Siri 2	i. Memperkasakan bakat ahli akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ii. Melahirkan ahli akademik yang pakar dalam kesarjanaan pengajaran dan pembelajaran (SoTL) iii. Melayakkan seseorang ahli akademik untuk mengikuti latihan anjuran AKEPT bagi modul AL100 (The Individual Academic) dan seterusnya melayakkan seseorang ahli akademik tersebut mengikuti latihan AL200 (Community of Academics)
2.	Bengkel Asas Pembelajaran dan Pengajaran Siri 1	
3.	OBE Workshop : Assessment and Closing The Loop	
4.	Bengkel Pengenalan Platform Open Learning UMTMOOC	i. Memperkasakan kemahiran ahli akademik dalam menggunakan sistem MOOC ii. Meningkatkan lebih ramai bilangan ahli akademik yang cekap dan pakar dalam membangunkan kandungan subjek secara maya dengan menggunakan MOOC iii. Melahirkan *champion* dalam bidang *e-learning* di peringkat UMT dan AKEPT iv. Melahirkan ahli akademik yang pakar dalam Kesarjanaan Pengajaran dan Pembelajaran (SoTL)
5.	Bengkel Asas e-Pembelajaran Siri 1	
6.	Bengkel Asas e-Pembelajaran Siri 2	
7.	Taklimat "Engaging Learning Using MOOC & Bengkel "Desigining and Delivering An Engaging MOOC"	
8.	Bengkel Pembangunan Portfolio Pengajaran bagi TOT	i. Melahirkan *champion* dalam bidang SoTL di peringkat UMT dan AKEPT ii. Meningkatkan kemahiran bagi setiap TOT yang dilantik untuk mengikuti latihan anjuran AKEPT untuk menjadi *Master Trainer* dengan mengikuti latihan modul AL300 (Academics and the Institution)
9.	Pra Bengkel Pemurnian Pembangunan Portfolio Pengajaran	
10.	Bengkel Pemurnian Portfolio Pengajaran	
11.	Taklimat Portfolio Pengajaran (Umum)	
	Pendidikan	
12.	Bengkel Induksi Penyelidikan dan Inovasi	Melahirkan ahli akademik yang pakar dalam laluan kerjaya - Kesarjanaan Penyelidikan dan Inovasi (SoDI)
	Etika	
13.	Program - Coaching Academic Advisor	Memperkasa kemahiran ahli akademik dalam membawa pelajar dari satu keadaan kepada keadaan yang lebih baik





Siri-siri Latihan Anjuran Pejabat Pendaftar.

Cuti Belajar dan Mobiliti Akademik

UMT telah berjaya meningkatkan jumlah ahli akademik berkelulusan ijazah Doktor Falsafah (PhD) kepada 79.66% berbanding 76.45% pada tahun sebelumnya. Seramai 23 orang pegawai telah melanjutkan pengajian PhD dalam dan luar negara pada tahun 2016 dan menjadikan jumlah keseluruhan pegawai melanjutkan pengajian adalah seramai 84 orang. **Jadual 7** menunjukkan jumlah pegawai yang sedang melanjutkan pengajian.

Jadual 7: Jumlah Pegawai Sedang Melanjutkan Pengajian

Pengajian	Tempat Pengajian	Jawatan		
		Pensyarah	Tutor	Felo Akademik
PhD	Dalam Negara	14	1	23
	Luar Negara	8	2	36
Sub Jumlah		22	3	59
Jumlah keseluruhan			84	

UMT juga menyediakan kemudahan mobiliti akademik sebagai galakan untuk ahli akademik meningkatkan kesarjanaan melalui penyelidikan yang berterusan serta mengukuhkan jaringan kerjasama dengan rakan kesepakaran di peringkat nasional dan antarabangsa. **Jadual 8** menunjukkan jumlah pegawai yang menjalani mobiliti akademik dalam dan luar negara mengikut kategori.

Jadual 8: Senarai Nama Pegawai yang Menjalani Mobiliti Akademik

Bil	Nama	Tempat
Cuti Sabatikal		
1.	Prof. Madya Dr. Zalailah binti Salleh	Griffith Business School, Griffith University, Australia dan Institute of Postgraduate Studies, Universiti Malaysia Pahang
2.	Prof. Madya Dr. Zakaria bin Mohamad	La Trobe University, Melbourne Victoria, Australia
Program Cuti Penyelidikan		
1.	Tan Chun Hong	James Cook University, Australia
2.	Mohd Hafizi bin Said	Universiti Malaysia Terengganu dan Liverpool John Moore University, UK
3.	Nurul Huda binti Abdul Wahab	Griffith University
4.	Ahmad Nazif bin Aziz	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam
5.	Tengku Fara Kamilia binti Tengku Mohd Kamil	Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL), UMT
Program Pasca Kedoktoran		
1.	Dr. Nurul Huda binti Abd Kadir @ Abdul Rahman	Imperial College of London, UK
2.	Dr. Shahrul bin Ismail	Delft University of Technology, Netherlands
Program Sangkutan Akademik		
1.	Prof. Madya Dr. Juanita Joseph	Kyoto University, Jepun
2.	Dr. Liew Hon Jung	Bamfield Marine Science Centre, Kanada
3.	Dr. Ahmad Nazri bin Dagang	Ehime University, Jepun
4.	Dr. Ahmad Shukri bin Mohd Noor	University of Hull, UK
5.	Prof. Madya Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir	School of Environmental Sciences, University of East Anglia, Norwich UK
6.	Suryani binti Ismail	Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor
7.	Dr. Tan Min Pau	National Taiwan University, Taiwan
8.	Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam bin Mohamad Isa	Universitas Indonesia (UI), Indonesia
9.	Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan binti Azmi	Universiti Putra Malaysia
10.	Dr. Wong Li Lian	Queensland University of Technology, Australia
11.	Dr. Muhamad Abi Sofian bin Abdul Halim	Department of Community Development, Ministry of Interior, Chiang Mai Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu
12.	Mohammad Shahrir bin Mohammad Zahari	Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
13.	Madzli bin Harun	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

“Kumpulan pengurusan profesional dan pelaksana merupakan pemangkin transformasi universiti”

Bakat Profesional dan Pelaksana

Kumpulan pengurusan profesional dan pelaksana merupakan pemangkin transformasi universiti. Kumpulan ini bersama-sama tenaga akademik universiti berperanan sebagai agen perubahan dalam mencapai kegemilangan UMT.

Pelantikan

UMT mempunyai 969 jawatan bagi kumpulan pengurusan profesional dan pelaksana. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 949 (97.94%) jawatan telah diisi. Kedudukan jawatan dan pengisian mengikut kumpulan adalah seperti **Jadual 9.**

Jadual 9: Pengisian Jawatan Mengikut Kumpulan Tahun 2016

Kumpulan	Bilangan Jawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian
Pengurusan dan Profesional	228	225	3	98.68%
Pelaksana	741	724	17	97.71%
Jumlah	**969**	**949**	**20**	**97.94%**

Kenaikan Pangkat

Seramai 43 orang staf kumpulan pengurusan dan profesional telah dinaikkan pangkat secara hakiki dan juga fleksi. Manakala seramai 76 staf kumpulan pelaksana pula telah dinaikkan pangkat secara hakiki dan *Time Based* Kecemerlangan (TBK) 13 Tahun.

Latihan

Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (DLSMSA) yang diperkenalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, mensasarkan semua pegawai mengikuti latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun. Walau bagaimanapun, surat edaran berkenaan penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun bagi Anggota Perkhidmatan Awam telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 29 Februari 2016 dan diterima pakai di UMT.

Penangguhan tersebut telah memberi kesan kepada penurunan sebanyak 9.7% pencapaian tujuh hari latihan. Pencapaian sasaran tujuh hari latihan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 10.**

Jadual 10: Pencapaian Kehadiran Latihan Mengikut Gred/Kumpulan

Gred/Kumpulan	Bilangan	Bilangan Kehadiran		
		>=7 Hari	4-6 Hari	<4 Hari
JUSA	30	28	1	1
Pengurusan dan Profesional (Akademik)	442	384	27	21
Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	203	173	22	7
Sokongan 1 (Gred 17-40)	539	391	77	70
Sokongan 2 (Gred 1-16)	168	102	42	24
Jumlah Keseluruhan	**1,382**	**1,078**	**169**	**123**
Peratus		**(78.00%)**	**(12.23%)**	**(8.90%)**

Berdasarkan statistik latihan 2016, seramai 1,078 orang pegawai (78%) telah mencapai sasaran tujuh hari latihan berbanding 1,407 orang pegawai (87.70%) pada tahun 2015.



Bengkel Standard Operating Procedure (SOP) Survival Laut & Penghayatan Warisan (SLPW).

Sebanyak 78 program latihan telah dilaksanakan berbanding 80 pada tahun 2015, dengan pecahan latihan seperti di **Jadual 11.**

Jadual 11: Bilangan Latihan Mengikut Kategori bagi Tahun 2016 dan 2015

Latihan	2016	2015
Kursus Wajib Universiti (Program Transformasi Minda)	1	1
Kursus Dalaman	58	59
Taklimat	19	20
Jumlah Keseluruhan	**78**	**80**

Sangkutan Luar Negara

Program Sangkutan Luar Negara telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kompetensi pegawai. Program ini melibatkan penempatan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional serta pelaksana di universiti, institusi atau agensi di luar negara. Pada tahun 2016, seramai dua orang pegawai telah mengikuti program sangkutan luar negara di Okayama University, Hiroshima, Jepun dan University of York, United Kingdom, London.

Cuti Belajar

Selain program sangkutan luar negara, pegawai kumpulan pengurusan dan profesional serta pelaksana juga diberi kemudahan cuti belajar semasa berkhidmat. Sehingga tahun 2016, lima orang pegawai sedang menjalani cuti belajar dalam negara dalam pelbagai bidang seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 12.**

Jadual 12: Pegawai Cuti Belajar Mengikut Peringkat Pengajian

Bil.	Jawatan	Peringkat Pengajian		
		Doktor Falsafah	Sarjana	Sarjana Muda
1.	Pengurusan dan Profesional	1	4	-
2.	Sokongan	-	-	1
	Jumlah Keseluruhan		**6**	

Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan

Sebagai usaha memartabatkan kecemerlangan dan kewibawaan warga, UMT mewujudkan anugerah dan memberi pengiktirafan kepada warga yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam perkhidmatan. Pengiktirafan ini telah dilaksanakan dalam Majlis Anugerah Tahunan 2016. Senarai anugerah dan penerima adalah seperti di **Jadual 13**. Selain itu, seramai 134 pegawai telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Jadual 13: Senarai Penerima Anugerah dan Penghargaan Tahun 2015

Bil.	Nama Anugerah	Nama Penerima
1.	Anugerah Kepimpinan Akademik (Keseluruhan)	Profesor Dr. Norhayati binti Mohd Tahir
2.	Anugerah Kepimpinan Akademik (Muda)	Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam bin Mohamed Isa
3.	Anugerah Khas Staf Cemerlang • Pengurusan dan Profesional (Akademik) • Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) • Kumpulan Pelaksana	 Dr. Noraida binti Haji Ali Mohd Azam bin Mat Yaacob Mokhtar bin Ishak
4.	Anugerah Kecemerlangan Sukan (Olahragawan)	Mohd Shukur bin Saad
5.	Anugerah Kecemerlangan Sukan (Olahragawati)	Roziana binti Arifin
6.	Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah)	Dr. Azlinzuraini binti Ahmad
7.	Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah Muda) • Kelompok Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik (IKSA) • Kelompok Sains Tulen dan Gunaan (STG) • Kelompok Sains Sosial (SS)	 Dr. Noordiyana binti Mat Noordin Dr. Faizatul Shimal binti Mehamod Dr. Azizul Yadi bin Yaakop
8.	Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Tulen • Sains Gunaan • Sains Sosial	 Dr. Mohammad bin Ismail Profesor Dr. Mohd Lazim bin Abdullah Farizah binti Sulong
9.	Anugerah Pemindahan Ilmu	Prof. Madya Dr. Juanita Joseph





Bil.	Nama Anugerah	Nama Penerima
10.	Anugerah Pemindahan Teknologi	Dr. Kesaven a/l Bhubalan
11.	Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT (Sains Sosial)	Profesor Dr. Nik Hashim bin Nik Mustapha
12.	Anugerah Makalah Terbaik dalam JBSD	Prof. Madya Dr. Azlina binti Abdul Aziz Dr. Mahirah binti Kamaludin Engku Siti Zaharah binti Engku Abdullah Alias Radamd
13.	Anugerah Makalah Terbaik dalam JSSM	Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan binti Azmi Nur Syuhadah binti Zulqurnain Roziah binti Ghazi

Persaraan

Seramai 11 orang pegawai UMT bersara wajib manakala seorang pegawai bersara secara pilihan. seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14: Pesara Tahun 2016

Bil.	Kumpulan	Jumlah
1.	Pegawai Akademik	4
2.	Sokongan (wajib)	6
3.	Sokongan (pilihan)	1
	Jumlah	11

Pencapaian dalam Sukan

Sukan staf mencatatkan kejayaan cemerlang dalam pelbagai siri kejohanan sukan seperti Sukan Staf antara Universiti Malaysia (SUKUM), Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) dan Majlis Sukan Institusi Terengganu (MASUKIT). Perincian pencapaian adalah seperti di **Rajah 9**.



Rajah 9: Pencapaian Sukan Sepanjang Tahun 2016



Pelbagai acara yang disertai dalam kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2016.





PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN





“Enrolmen keseluruhan pelajar UMT pada tahun 2016 telah mencapai 10,190 orang”

Perkembangan pengajaran dan pembelajaran secara berterusan sentiasa dirancang untuk memastikan penawaran program akademik adalah releven dengan kehendak pasaran di samping melahirkan graduan holistik dari segi penguasaan akademik, kemahiran kendiri dan keupayaan sahsiah.

Program Pengajian yang Ditawarkan

UMT menawarkan 27 program di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan satu program di peringkat Diploma seperti di **Jadual 15.**

Jadual 15: Senarai Program Pengajian Prasiswazah

Bil.	Program Pengajian
1.	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
2.	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)
3.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
4.	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim
5.	Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)
6.	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)
7.	Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)
8.	Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)
9.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)
10.	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)
11.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)
12.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)
13.	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)
14.	Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)
15.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)
16.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman)
17.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)
18.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi)
19.	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
20.	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)
21.	Sarjana Muda Kaunseling
22.	Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)
23.	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
24.	Sarjana Muda Perakaunan
25.	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)
26.	Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)
27.	Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan)
28.	Diploma Perikanan

Selain itu, terdapat 38 bidang yang ditawarkan dalam program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains Struktur Penyelidikan, serta lima program Sarjana (Kerja Kursus) seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16: Senarai Bidang Program Pascasiswazah

Bidang Pengajian Struktur Penyelidikan			
1.	Akuakultur	20.	Penderiaan Jauh
2.	Biodiversiti dan Pemuliharaan	21.	Pengajian Maritim
3.	Biokimia	22.	Pengajian Sosial
4.	Biologi Molekul dan Sel	23.	Pengurusan
5.	Bioteknologi	24.	Perakaunan
6.	Botani	25.	Perikanan
7.	Ekologi	26.	Sains Akuatik
8.	Ekonomi	27.	Sains Haiwan
9.	Falsafah dan Ketamadunan	28.	Sains Kimia
10.	Fisiologi	29.	Sains Komputer
11.	Fizik	30	Sains Makanan
12.	Genetik	31.	Sains Marin
13.	Kaunseling	32.	Sains Matematik
14.	Kewangan	33.	Sains Tanaman
15.	Komunikasi	34.	Teknologi dan Pengurusan Alam Sekitar
16.	Linguistik Terapan	35	Teknologi Kimia
17.	Mikrobiologi	36.	Teknologi Lepas Tuai
18.	Oseanografi	37.	Teknologi Maritim
19.	Pemasaran	38.	Zoologi
Bidang Pengajian Program Sarjana (Kerja Kursus)			
1.	Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu)	4.	Sarjana Kaunseling
2.	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	5.	Sarjana Sains Perikanan Tropika Lestari
3.	Sarjana Sains (Akuakultur)		

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Bilangan pelajar baharu prasiswazah berkurangan sebanyak 5.02% di mana seramai 2,839 orang pelajar telah mendaftar berbanding seramai 2,989 orang pelajar pada tahun 2015. Walaupun enrolmen pelajar prasiswazah sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 9,172 orang, jumlah ini meningkat sebanyak 0.32% berbanding 9,143 orang pada tahun 2015.

Manakala bilangan pelajar baharu pascasiswazah juga telah berkurangan sebanyak 27.05% iaitu seramai 276 orang pelajar berbanding 366 orang pelajar pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan enrolmen pascasiswazah sebanyak 2.93% dengan jumlah pelajar seramai 1,018 orang.

Enrolmen keseluruhan pelajar UMT pada tahun 2016 telah mencapai 10,190 orang. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 17.**

Jadual 17: Pengambilan dan Enromen Pelajar

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2016	2015	2016	2015
Prasiswazah					
1.	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)	91	94	269	270
2.	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)	100	102	291	283
3.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	98	110	398	394
4.	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim	58	66	208	203
5.	Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)	88	105	284	296
6.	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)	106	126	359	357
7.	Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)	88	86	233	213
8.	Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)	79	70	214	205
9.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)	109	114	303	298
10.	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)	97	106	303	301
11.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)	111	112	318	328
12.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)	132	109	332	315
13.	Diploma Perikanan	138	133	264	380
14.	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)	86	94	350	347
15.	Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)	102	102	387	365
16.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)	74	84	220	220
17.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman)	56	46	136	83
18.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)	71	70	256	245
19.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi)	84	98	262	273
20.	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)	99	110	401	404
21.	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)	36	39	146	140
22.	Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)	153	172	477	460
23.	Sarjana Muda Kaunseling	110	121	452	455

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2016	2015	2016	2015
24.	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)	138	147	430	435
25.	Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)	130	133	503	502
26.	Sarjana Muda Perakaunan	133	148	548	552
27.	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)	153	161	463	459
28.	Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan)	119	131	364	360
	Jumlah	**2,839**	**2,989**	**9,172**	**9,143**
Pascasiswazah					
Doktor Falsafah		73	110	380	357
Sarjana Sains (Penyelidikan)		140	186	522	519
Sarjana (Kerja Kursus)		54	70	116	113
	Jumlah	**267**	**366**	**1,018**	**989**
	Jumlah Keseluruhan	**3,106**	**3,355**	**10,190**	**10,132**



Pendaftaran Pelajar Pascasiswazah Semester I Sesi 2016/2017



Pendaftaran Pelajar Program Prasiswazah Ijazah Sarjana Muda Sesi 2016/2017.

Pelajar Antarabangsa

Enrolmen pelajar antarabangsa tahun 2016 mengikut negara adalah seperti di **Rajah 10.**



Rajah 10: Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara 2016

Pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) Fasa II

Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu atau *Integrated* CGPA (iCGPA) merupakan satu mekanisme bersepadu pentaksiran, pelaporan pencapaian dan pembangunan pelajar yang mengambil kira peningkatan keilmuan, adab dan keupayaan mereka. Konsep utama yang ditekankan dalam iCGPA ialah Penjajaran Konstruktif *(Constructive Alignment;* CA) yang merupakan intipati kepada *Outcome Based Education* (OBE).

Sebagai salah sebuah universiti rintis dalam pelaksanaan iCGPA bermula semester September Sesi 2015/2016 dengan menjadikan Program Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim sebagai projek rintis, UMT telah berjaya membangunkan MyCA [pemetaan *Course Learning Outcomes* (CLO) kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan pentaksiran], MyTaxo (jadual pembinaan pernyataan CLO), MyTest (Jadual Spesifikasi Ujian atau JSS) dan MyICGPA (templat asas untuk pengisian markah mengikut iCGPA).

Pelaksanaan iCGPA Fasa II telah melibatkan pelajar Tahun Satu bagi semua program pengajian untuk sesi kemasukan September 2016/2017. Sistem iCGPA telah berjaya menjana *spider web* yang menunjukkan pencapaian Hasil Pembelajaran (LO) melalui kursus yang ditawarkan. Dengan pelaksanaan iCGPA ini, program-program intervensi dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Contoh *spiderweb* yang menunjukkan pencapaian pelajar cemerlang, sederhana dan lemah adalah seperti berikut:



Teaching Excellence Plan (TEP) Universiti Malaysia Terengganu

Teaching Excellence Plan (TEP) merupakan satu penilaian yang bersifat 360° yang melibatkan penilaian oleh pelajar, rakan sejawat, ketua jabatan/superior dan pensyarah itu sendiri. Penilaian ini dibangunkan hasil daripada pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMT dengan Taylor's University. Lima dimensi utama (Core Dimensions) yang dijadikan sebagai aspek pengukuran adalah *Teaching Plan & Delivery, Usage of e-Learning, Course Content Development, Course Assessment* dan *Passion in Teaching*. Kerangka konsep UMT-TEP dan instrumen penilaian TEP adalah seperti di Rajah 11. Pelaksanaan TEP ini dapat meningkatkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran di UMT.



Rajah 11: Kerangka Konsep UMT-TEP



Pembentangan Teaching Excellence Plan (TEP) di Pejabat YB Menteri Pendidikan Tinggi.



Majlis Konvokesyen UMT Kali Ke-14.

Pencapaian Akademik Graduan

Majlis Konvokesyen Ke-14 UMT telah diadakan pada 19-21 November 2016. Terdapat peningkatan 13.5% graduan iaitu seramai 2,806 graduan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 seramai 2,473 graduan. Sebanyak 5.72% daripada jumlah graduan sarjana muda pada tahun 2016 lulus dengan cemerlang berdasarkan kriteria baharu pencapaian gred keseluruhan yang ditetapkan iaitu 3.67. Pecahan graduan mengikut peringkat pengajian adalah seperti **Jadual 18**.

Jadual 18: Pecahan Graduan Mengikut Program Pengajian

Peringkat Pengajian	2016	2015
Doktor Falsafah	32	29
Sarjana Sains (Sruktur Penyelidikan)	91	85
Sarjana Sains (Kerja Kursus)	42	53
Sarjana Muda	2,396 (Cemerlang: 137; Kepujian: 2,259)	2,201 (Cemerlang: 239; Kepujian: 1,962
Diploma	245	105
Jumlah	**2,806**	**2,473**



Sebahagian Graduan Sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-14.

Penerima Anugerah

Senarai penerima anugerah sempena Majlis Konvokesyen adalah seperti **Jadual 19** dan **20.**

Jadual 19: Senarai Penerima Ijazah Kehormat

Bil	Anugerah	Penerima	Jawatan
1.	Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan	Tan Sri Dato' Seri Ahmad Ramli bin Haji Mohd Nor	Pengarah Lion Group in Steel Industry. Perunding syarikat OKENOS Sdn Bhd.
2.	Ijazah Kehormat Doktor Sains	Dato' Pahlawan Mohd Rasip bin Hassan	Executive Deputy Chairman/ Managing Director Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (BHIC)
		Profesor Dr. Ir. Widi Agoes Pratikto	CEO, CTI CFF, Coral Triangle Initiative Coral Reef, Fisheries and Food Security Manado, Sulawsi Utara Indonesia



Penerima Ijazah Kehormat Bersama Pro-Canselor.

Jadual 20: Senarai Penerima Anugerah Peringkat Universiti dan Anugerah Naib Canselor

Bil	Anugerah	Penerima	Program
1.	Anugerah Pelajaran Diraja	Nurjannatul Naim binti Kamaruddin	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
		Lew Huey Wern	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)
2.	Anugerah Pingat Emas Canselor	Elfina binti Azwar	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)
3.	Anugerah Pro-Canselor	Bidang Sains: Khadijah Hilmun binti Kamarudin	Doktor Falsafah (Penyelidikan) - Fizik
		Bidang Sains Sosial: Noraina Mazuin binti Sapuan	Doktor Falsafah (Penyelidikan) - Ekonomi
4.	Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	Liew Rock Keey	Sarjana Sains (Penyelidikan) - Teknologi Kimia
5.	Anugerah Naib Canselor	Aashwiny a/p Savunthara Rajan Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
		Boon Yih Hui Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)
		Tan Chee Ping Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)
		Syed Faizal Shah bin Syed Johari Shah Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
		Julian Lim Soon Kit Pusat Pengajian Sains Asas	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)
		Clement John Chee Cherng Der Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim	Sarjana Muda Perakaunan
		Nurul Fatin binti Malek Rivan Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)
		Nik Ira Iriyanie binti M Abd Rahani Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi	Sarjana Muda Kaunseling

PEMBANGUNAN PELAJAR


MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN


QATAR
AIRWAYS

Agenda pembangunan pelajar perlu dirancang secara holistik untuk meningkatkan kualiti dan daya saing graduan sebagai langkah mencapai tahap kebolehpasaran yang tinggi. Agenda tersebut mampu direalisasikan melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti kemahasiswaan yang menerapkan kemahiran insaniah dan nilai-nilai keunggulan dalam diri pelajar.

Persatuan dan Badan Pelajar

Terdapat 114 persatuan dan badan pelajar yang berdaftar di UMT. **Rajah 12** menunjukkan pecahan persatuan dan badan pelajar mengikut kluster.



Rajah 12: Kluster Bagi Persatuan dan Badan Pelajar yang Berdaftar

Sebanyak 411 aktiviti persatuan dan badan pelajar telah berjaya dilaksanakan seperti **Rajah 13**. Kekerapan pelaksanaan aktiviti yang berteraskan sosial masih mendahului diikuti dengan kategori yang lain.



Rajah 13: Kategori Aktiviti Anjuran Persatuan dan Badan Pelajar di UMT

Terdapat tiga program utama pengantarabangsaan yang telah dianjurkan seperti berikut:

1. Amal Bakti di Banda Acheh oleh Kelab PEMADAM

Kelab PEMADAM UMT telah melaksanakan program bersama anak yatim di Rumah Anak Yatim Nurul Huda, Kg. Nusa Jaya, Banda Acheh pada 14-20 Julai 2017, melibatkan 38 orang ahli kelab. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pemberian sumbangan alat tulis, sumbangan pakaian serta bekalan makanan yang keseluruhannya bernilai RM25,500.00.









2. Misi Kemanusiaan Mahal Hagnaya D'Filipina Kelab Pembimbing Rakan Sebaya

Misi Kemanusiaan Mahal Hagnaya d'Phillipines (MAHAP) telah dijalankan di Kampung Cebu Madinah, Kampung Charitas dan Kampung Austria pada 1-7 April 2016. Misi ini telah mendapat sumbangan derma sebanyak RM150,462.67. Seramai 100 orang kanak-kanak telah dikhatankan di samping 250 orang masyarakat telah menerima rawatan kesihatan dan ubat-ubatan secara percuma. Peserta juga mengedarkan bantuan berupa makanan, pakaian dan duit sumbangan kepada 250 orang penduduk kampung Barangay Punta. Program ini telah mendapat liputan *TV3* melalui siaran program *Misi K*.

3. Sur's Day D' Cambodia Kelab Penyayang

Seramai 73 orang pelajar telah terpilih sebagai sukarelawan ke program ini. Kumpulan pertama telah bertolak pada 28 Ogos 2016 dan kumpulan kedua pada 29 Ogos 2016. Bantuan berjumlah RM148,000 dalam bentuk keperluan makanan (400 kotak untuk anak yatim dan 400 kotak untuk keluarga miskin), 100 buah basikal, empat buah generator dan 12 buah kipas dapat dikumpulkan untuk menjayakan program ini. Di samping itu, klinik bergerak untuk melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma dan program berkhatan turut disediakan.





Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2016

Seramai 27 orang pelajar telah menyertai Novel Research and Innovation Competition (NRIC 2016 USM) 2016 yang berlangsung di Dewan Utama Pelajar, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Pelajar yang mewakili UMT merupakan peserta yang telah berjaya merangkul pingat Emas, Perak dan Gangsa di dalam Program Hari Inovasi@UMT 2016 bagi kategori Pelajar Prasiswazah. Tiga pingat Emas yang dimenangi adalah melalui penyelidikan bertajuk;

a) *Microwave pyrolysis-how can microwave 'cook' coconut waste to make char as drinking water filter material.*
b) *Sensathio: A petit green andeconomical molecular vogs sensor towards safe environment.*
c) *S-Clay: The new generation polymer nanofiller and its potential multifunctional application.*

Jadual 21 menunjukkan pencapaian keseluruhan pelajar dalam penyertaan NRIC 2016.

Jadual 21: Pencapaian Pelajar dalam Penyertaan NRIC 2016

Bil.	Pencapaian	Jumlah
1	Pingat Emas	3
2	Pingat Perak	8
3	Pingat Gangsa	4
	Jumlah Keseluruhan	**15**



Badan Beruniform

Terdapat empat badan beruniform yang berdaftar iaitu Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS), Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut, Pasukan Askar Simpanan Tentera Darat (WATANIAH) dan Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA). Pencapaian utama badan beruniform adalah Johan keseluruhan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA IPT. Pencapaian lain yang diperolehi adalah seperti di dalam **Jadual 22.**

Jadual 22: Pencapaian Pelajar

Bil.	Nama	Badan Beruniform	Pencapaian
1.	Siti Nurhaziqah binti Abdul Majid	SISPA	**Anugerah Kadet SISPA Terbaik** Majlis Pentauliahan Kor SISPA Kali Ke- 7.
2.	Andrian Kalang Anak Federick	WATANIAH	**Keseluruhan Terbaik** Kursus Asas Perajurit Muda (S) Siri 2/2016 di Kem Padang Midin.
3.	Puteri Ain Naquiyah binti Yusman	WATANIAH	**Kawad Kaki Wanita Terbaik** Kursus Asas Perajurit Muda (S) Siri 2/2016 di Kem Padang Midin.
4.	Adibah binti Ramli	WATANIAH	**Akademik Terbaik** Kursus Asas Perajurit Muda (S) Siri 2/2016 di Kem Padang Midin.
5.	Siti Nurhayati binti Zamri	WATANIAH	**Akademik Terbaik** Kursus Asas Perajurit Muda (S) Siri 2/2016 di Kem Padang Midin.
6.	Abdul Mu'Min bin Che Noor	WATANIAH	**Keseluruhan Terbaik** Kursus Asas Disiplin Anggota Rendah (KADAR) Siri 1/2016 di Kem Padang Midin.





Bil.	Nama	Badan Beruniform	Pencapaian
7.	Ain Aziatul Nabila binti Ahmad Rushdi	WATANIAH	**Kawad Wanita Terbaik** Kursus Asas Disiplin Anggota Rendah (KADAR) Siri 1/2016 di Kem Padang Midin.
8.	Nor Shazreen Syuhada binti Mad Zuki	WATANIAH	**Penembak Wanita Terbaik** Kursus Asas Disiplin Anggota Rendah (KADAR) Siri 1/2016 di Kem Padang Midin.
9.	Azwalia binti Mispan	WATANIAH	**Akademik Terbaik** Kursus Asas Disiplin Anggota Rendah (KADAR) Siri 1/2016 di Kem Padang Midin.
10.	Mohammad Faiq Asyraf bin Mohammad Haris	PALAPES	**Anugerah Pedang Kehormat** Istiadat Pentauliahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Kali Ke 35 di Universiti Malaya
11.	Hisyamuddin bin Mohd Noor	SUKSIS	**Pelatih Terbaik Keseluruhan** Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor SUKSIS IPTA Semalaysia Kali Ke-12 di Universiti Putra Malaysia

Sukan dan Rekreasi

Tahun 2016 merupakan tahun gemilang bagi sukan pelajar UMT. Pelbagai kejayaan dan kecemerlangan berjaya diraih di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Butiran kejayaan adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23: Pencapaian Pelajar UMT di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Bil.	Program/Aktiviti	Acara	Pencapaian
	Antarabangsa		
1.	Kejohanan Sukan Tahunan Antara Universiti Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Bola Tampar Sepak Takraw Badminton Futsal	Perlawanan Persahabatan
2.	World University Woodball Championship 2016 - anjuran Chinese Taipei University Sports Federation (CTUSF)	*Woodball*	Keempat
3.	SEARF Rowing Championship 2016 - anjuran Vietnam Sport Council	*Rowing*	Gangsa
	Kebangsaan		
4.	Kejohanan Liga Futsal IPT Piala Menteri Pendidikan 2016 - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Futsal	Johan (L) *Final Playoff* (W)
5.	6th Malaysian University Golf Championship Piala Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan 2016 - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Golf	*Ranking* ke-2

Bil.	Program/Aktiviti	Acara	Pencapaian
6.	Karnival Sukan MASUM Fasa 1, 2016 - anjuran MASUM	Boling Padang Taekwondo	1 pingat Emas , 1 pingat Perak, 2 pingat Gangsa 1pingat Gangsa
7.	Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) kali ke-3, 2016 - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Boling Padang Silat Badminton	1 pingat Perak, 1 pingat Gangsa 1 pingat Gangsa 1 pingat Gangsa
8.	Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi-7, 2016 - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Pencak Silat	1 pingat Perak 1 pingat Gangsa
9.	Kejohanan Badminton Jelajah IPT - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Badminton	Pingat Gangsa
10.	Varsity Boat Race 2016 - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	*Rowing*	1 pingat Emas 1 pingat Perak
11.	Kejohanan Bola Tampar Pantai UMT@KPT Kali Ke-2, 2016 - anjuran Pusat Sukan dan Rekreasi, UMT	Bola Tampar Pantai	Ketiga
12.	Karnival Sukan MASUM Fasa 2 - anjuran MASUM	*Woodball* Tenis	3 pingat Emas 2 pingat Gangsa 1 pingat Perak
13.	Kejohanan Bola Sepak Kelayakan Liga IPT - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Bola Sepak	Naib Johan
14.	4th KPT@UMT Handball Great Challenge - anjuran Pusat Sukan dan Rekreasi, UMT	Bola Baling	Separuh Akhir
15.	Kejohanan Futsal IPT Pantai Timur - anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi	Futsal	Johan









Kebudayaan dan Kesenian

Pengembangan aktiviti kesenian dan kebudayaan dilihat mampu mengangkat nama UMT di mata masyarakat bersesuaian dengan moto yang dipilih oleh Pusat Kebudayaan dan Kesenian iaitu **"SENI WADAH MINDA".**

Pementasan Teater Perdana 'SIRIH BERTEPUK PINANG MENARI' merupakan aktiviti utama yang berjaya diadakan. Program ini memberikan ruang kepada pelajar untuk menyalurkan kreativiti ke arah melahirkan graduan yang seimbang dan holistik. Senarai pencapaian dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24: Pencapaian Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian

Bil	Program	Pencapaian
1.	Festival Colours of the Worlds 2016	Tempat Ketiga (Kelab Persadatari)
2.	Pertandingan Filem Pendek 'Youth Video Awards 2016	10 Kumpulan Terbaik (Kelab Layar Opera)
3.	Anugerah Seni MAKUM	1. Anugerah Bonang Emas 2. Anugerah Gambang Mustika (Kelab Persadatari) 3. Anugerah Gendang Sari
4.	Pertandingan Puisi Tari Peringkat Zon Timur Sempena Program Citra Budaya Cinta Keamanan	Johan (Kelab Persadatari)
5.	Program Future Education Talk Series: (Commonalities & Collegiality)	Persembahan Jemputan (Muzik) dari YB, Menteri Pendidikan Tinggi
6.	Pertandingan Debat Prittimigam	Johan dan Tempat Keempat (Kelab Kebudayaan Baratham)
7.	Pertandingan Debat Tamilanda	Johan dan Tempat Ketiga (Kelab Kebudayaan Baratham)
8.	Pertandingan Silambam Antara Universiti	Tempat Ketiga (Kelab Kebudayaan Baratham)
9.	Pementasan Teater Perdana 'SIRIH BERTEPUK PINANG MENARI'	Berjaya menjana pendapatan jualan kupon masuk sebanyak RM8,693.00
10.	Pertandingan Malam Kebudayaan Sempena Program Jom Masuk Kelab UMT	Johan (Kelab Persadatari)







Program Kerohanian, Kebajikan dan Kesejahteraan

Program Kerohanian

Program pembangunan kerohanian pelajar telah dilaksanakan oleh Pusat Islam Sultan Mahmud berdasarkan lima teras seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25: Senarai Program Pembangunan Pelajar

Bil.	Teras Program	Tahun	
		2016	2015
1.	Pengimarahan Masjid	64	144
2.	Penghayatan Syiar	3	5
3.	Pendidikan dan Latihan	20	56
4.	Integrasi Ilmu	3	12
5.	Kemahiran Insaniah	5	18
	Jumlah	**95**	**235**

Kebajikan

Bantuan kebajikan pelajar telah menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun 2015, di mana sebanyak RM376,450.00 telah diagihkan kepada para pelajar UMT seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26: Jumlah Sumbangan Kebajikan yang Diagihkan

Bil.	Perkara	Tahun	
		2016	2015
1	Jumlah Pelajar	725	359
2	Jumlah Sumbangan	376,450.00	175,000.00

Dana Zakat

UMT menerima sejumlah RM135,000.00 daripada pelbagai pihak seperti Kinrara Berhad, Bank Islam, Maybank, MAIDAM dan Bank Rakyat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM50,000.00 telah diagihkan kepada pelajar UMT seperti di **Jadual 27. Jadual 28** pula menunjukkan hasil sumbangan zakat yang masih belum diagihkan memandangkan sumbangan tersebut diterima pada pertengahan tahun 2016.

Jadual 27: Agihan Zakat

Bil.	Penyumbang Zakat	Jumlah Pelajar (Orang)	Jumlah Agihan (RM)
1.	KINRARA BERHAD	73	51,400.00
2.	TABUNG ZAKAT UMT	9	6,600.00
	Jumlah	82	58,000.00

Jadual 28: Penyumbang Zakat

Bil.	Penyumbang Zakat	Jumlah Bantuan (RM)
1.	BANK ISLAM	20,000.00
2.	MAYBANK	15,000.00
3.	MAIDAM	40,000.00
4.	BANK RAKYAT	10,000.00
	Jumlah	**RM77,000.00**





Keusahawanan

Bagi memupuk minat keusahawanan, pelajar UMT telah terlibat di dalam pertandingan di peringkat kebangsaan seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29: Senarai Pertandingan Keusahawanan

Bil.	Pertandingan	Tajuk Projek	Pencapaian
1.	Gempak Keusahawanan dan Kerjaya (G2K) 2016	*Golden Worm Project*	Tempat Pertama
		Hi Boxes product	Tempat Kedua
2.	Enactus Malaysia National Cup 2016	*Golden Worm & East Vege*	Tempat Ketiga
3.	Program Hi-Per Student Cooperatives 2016	1001 *Secret Lolipop* & Aiskrim Nira (i-nira)	Geran RM10,000.00 Setiap Kumpulan
4.	Siswapreneur Putra@1Malaysia	Projek *Puding Slurrpy*	Saguhati





Alumni

Seramai 2,806 alumni telah berjaya menamatkan pengajian mereka setakat tahun 2016. Pelbagai program telah dibentuk dengan kerjasama pusat pengajian bagi memupuk budaya 'Kami Cakna Kami Sayang UMT'. Terdapat 13 program bersama alumni pusat pengajian telah dijalankan sepanjang tahun 2016 di samping program anjuran Seksyen Perhubungan Alumni yang bertujuan untuk melebarkan jaringan antara alumni dan komuniti sekitar kampus. Aktiviti tersebut seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30: Senarai Program Bersama Alumni

Bil.	Program	Penglibatan
1.	*Car Boot Sale* Alumni	30 orang penjual yang terdiri dari alumni UMT, staf UMT dan penjual luar UMT
2.	Program Menabur Bakti Menuai Budi	138 orang alumni staf UMT
3.	Kejohanan Bowling Alumni Zon Pantai Timur	Melibatkan 20 orang alumni UMT Zon Pantai Timur.
4.	Jejak Usahawan Alumni	Tiga orang alumni
5.	Majlis Makan Malam Alumni GEMERSIK	17 orang alumni, 38 orang ahli kelab GEMERSIK
6.	Program bersama Alumni Pusat Pengajian	Melibatkan hampir 1,000 orang alumni daripada pusat pengajian.



Penempatan Pelajar

Kolej siswa merupakan sebuah pusat tanggungjawab di bawah Hal Ehwal Pelajar yang menyediakan perkhidmatan penempatan pelajar dalam dan luar kampus. Selain itu, kolej siswa juga berperanan sebagai pusat pembelajaran kedua kepada para pelajar. Antara program utama yang dianjurkan adalah seperti berikut**:**

1. Pengantarabangsaan – Kulon Progo Yogjakarta



Program ini merupakan program Bakti Siswa yang menekankan aspek pemindahan ilmu, kemasyarakatan dan budaya negara yang dilawati. Selain itu juga program ini dapat mewujudkan hubungan usahasama antarabangsa dengan universiti yang dilawati seterusnya mempromosikan UMT di peringkat antarabangsa. Program ini dijalankan pada 9-13 Disember 2016 di Kulon Progo Yogjakarta. Seramai 17 peserta dan dua orang pengiring telah menyertai program ini.

2. Hulurkan Tangan Ringankan Beban

Program ini berbentuk khidmat masyarakat yang melibatkan pelajar Kolej Siswa bersama masyarakat setempat melalui pelbagai program kebajikan. Kesemua program yang dijalankan adalah berunsurkan kepimpinan, keusahawanan dan juga kemasyarakatan. Program ini dijalankan pada 13-16 Oktober 2016 di Kampung Kubang Badak. Seramai 90 orang pelajar dan 150 penduduk kampung telah menyertai program ini.





3. Program Sukan Rakyat Terengganu (SURAKTER) 2016

Program SURAKTER 2016 diadakan untuk mewujudkan hubungan dua hala bersama komuniti setempat melalui program sukan tempatan. Program ini dijalankan pada 26 November 2016 di UMT. Seramai 300 orang pelajar dan komuniti luar terlibat sepenuhnya dalam program ini.





4. Jom Deco 2016

Program ini dianjurkan untuk memupuk semangat kerja berpasukan, budaya kerja serta meningkatkan penghayatan nilai-nilai lestari dalam kalangan mahasiswa UMT. Program ini dijalankan pada 18 Mac hingga 13 Mei 2016 di UMT. Seramai 1,200 peserta (pelajar dalam dan luar kampus) terlibat menjayakan program ini.





5. MacFest (Color Run UMT)

Program ini adalah bersempena sambutan hari Malaysia bagi tahun 2016. Aktiviti yang dianjurkan meliputi aktiviti kebudayaan, masakan dan sukan yang menawarkan variasi kemahiran insaniah kepada para pelajar. Program ini dijalankan pada 20-22 Oktober 2016. Seramai 1,500 orang pelajar telah menyertai program ini.





Perkhidmatan Kesihatan, Perubatan dan Pergigian

Perkhidmatan Kesihatan

Program kesihatan yang telah dilaksanakan bagi menjamin kesihatan dan kesejahteraan warga adalah seperti berikut:

1. Program Derma Darah

Program derma darah diadakan sebagai salah satu cara membudayakan hidup sihat di kalangan warga UMT serta sumbangan sosial kepada Unit Tabung Darah, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). Program ini telah berjaya diadakan sebanyak empat kali bertempat di *Foyer Cafe* Kolej Siswa dan *Foyer* Kompleks Siswa. UMT merupakan penyumbang tertinggi kategori UA di negeri Terengganu dengan jumlah 818 pek darah.



2. Kempen dan Program Jom Sihat UMT

UMT merupakan UA pertama yang menganjur dan melaksanakan program Jom Sihat. Program ini diadakan untuk membudayakan gaya hidup sihat di kalangan warga. Kempen Jom Sihat berlangsung sepanjang tahun manakala Program Jom Sihat yang melibatkan aktiviti fizikal pula diadakan selama tujuh minggu bermula 23 September hingga 25 November 2016.





3. Pemeriksaan Perubatan dan Pergigian serta Demo Masakan Sihat Sempena Minggu Konvokesyen

Perkhidmatan pemeriksaan perubatan dan pergigian percuma telah disediakan kepada pengunjung Pesta Konvo UMT 2016. Di samping itu, Program Demo Masakan bagi penyediaan makanan yang seimbang serta pendidikan kesihatan melalui kuiz, pemeriksaan analisa komposisi badan turut diadakan.

4. Ceramah Kesihatan dan Pergigian

Pelbagai ceramah kesihatan dan pergigian telah diadakan sebagai pendedahan terhadap kepentingan penjagaan kesihatan dan pergigian. Antaranya adalah seperti berikut :-

i. Pemakanan dan Kardiovaskular Sebagai Langkah Kesedaran Pemakanan dan Pengambilan Kalori yang Betul.
ii. Strok Haba.
iii. Pendakap Gigi Palsu: *Trend* yang Membimbangkan.



Perkhidmatan Perubatan dan Pergigian

UMT menawarkan perkhidmatan perubatan dan pergigian kepada pelajar dan staf. **Rajah 14** dan **15** menunjukkan jumlah kehadiran pelanggan yang mendapatkan rawatan.



Rajah 14: Jumlah Kedatangan Pelanggan Perubatan



Rajah 15: Jumlah Kedatangan Pelanggan Pergigian

Kebolehpasaran Graduan 2016

Kajian Pengesanan Graduan telah dijalankan melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG1) yang dibuka mulai 2 November hingga 1 Disember 2016. Secara keseluruhannya, **Rajah 16** menunjukkan sebanyak 98.9% daripada jumlah graduan telah mengisi soal selidik tersebut.

Hasil kajian yang telah dilaksanakan, **Rajah 17** menunjukkan sebanyak 70.13% (1,946 orang) daripada jumlah graduan adalah berstatus bekerja dan selebihnya adalah tidak bekerja. Dalam konteks Kajian Pengesanan Graduan ini, status bekerja bermaksud graduan berada dalam pasaran pekerjaan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pekerjaan. **Rajah 18** menunjukkan perincian bilangan graduan mengikut status bekerja.



Rajah 16: Kadar Respons Graduan UMT 2016



Rajah 17: Bilangan Graduan Mengikut Status Pekerjaan



Rajah 18: Bilangan Graduan Mengikut Status Bekerja





PENYELIDIKAN DAN INOVASI






Jabatan Sains Biologi
Universiti Malaysia
Terengganu (UMT)
Tel number
9-983-4373
Tolong laporkan nombor tag ini.
Tolong lepaskan semula
belangkas ini!
Tag #
000186

Penyelidikan UMT menunjukkan peningkatan dalam perolehan geran kerajaan selain perolehan geran yang diterima daripada agensi antarabangsa dan swasta. Manakala projek-projek penyelidikan yang telah dijalankan berjaya menghasilkan produk inovasi baharu.

Prestasi dan Sumber Dana Penyelidikan

Secara keseluruhannya, UMT memperolehi sumber pembiayaan kerajaan sebanyak 93% berjumlah RM7,464,537.00 berbanding agensi lain. Penerimaan geran berdasarkan sumber utama yang berkaitan adalah seperti di **Rajah 19**, **20** dan **21**.



Rajah 19: Perolehan Geran bagi Sumber Kerajaan



Rajah 20: Perolehan Geran bagi Sumber Swasta



Rajah 21: Perolehan Geran bagi Sumber Antarabangsa

Rajah 22 pula menunjukkan peratusan penerimaan geran mengikut kluster. Peratusan paling tinggi adalah dalam Kluster Sokongan 48% diikuti oleh Kluster Sains Marin dan Oseanografi sebanyak 27% dan 10% bagi Kluster Bioteknologi dan Biobahan Marin.



Rajah 22: Kelulusan Geran Mengikut Kluster 2016

Projek *Flagship*

Niche Research Grant Scheme (NRGS) merupakan geran yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menyokong bidang tujahan universiti yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi tempoh selama lima tahun bermula daripada tahun 2014 sehingga tahun 2018. Projek NRGS mensasarkan penghasilan harta intelek berkaitan formulasi makanan dan produk perubatan berasaskan krustasia serta sistem integrasi data bagi pengumpulan maklumat di kawasan Tanah Bencah Setiu. Selain itu, usaha pembentukan polisi dan garis panduan juga akan dilaksanakan dalam mewartakan Tanah Bencah Setiu sebagai Taman Negeri. Pencapaian NRGS sepanjang tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31: Penilaian NRGS

Bil.	Perkara	Jangkaan Output (Jan 2014 – Dis 2018)	Pencapaian Sebenar
1.	Pembangunan Modal Insan	13 Pelajar PhD 18 Pelajar Sarjana	12 pelajar PhD: 2 - tamat, 10 - dalam pengajian 36 pelajar Sarjana: 6 - tamat, 30 - dalam pengajian 9 Pembantu Penyelidik - Aktif
2.	Penerbitan	45 artikel terindeks 1 buku 1 monograf	26 artikel 1 Buku - *Mud Crab in Setiu Wetlands* 1 Buku - *Setiu Wetlands Species, Ecosystem and Livelihoods* *1 Monograf*
3.	Harta Intelek	1 *Feed Formulation* 1 *Management Data System* 1 *Medicinal Product*	*1 Feed Formulation (*Dalam Proses*)*
4.	Implikasi Dasar	Memperkukuhkan proses pemindahan ilmu kepada pemegang taruh.	Seminar Ekosistem Setiu sebagai usaha untuk mewartakan Tanah Bencah Setiu sebagai Taman Negeri
5.	Jaringan Perhubungan	Mewujudkan jaringan perhubungan antara organisasi tempatan dan asing.	MoU di antara UMT dan Veterinary Medical Research Institute, Budapest, Hungary- (Kajian dan Latihan dalam bidang Fish Pathology dan Parasitology) Jaringan Perhubungan dengan WWF-Water Quality Monitoring at Setiu-Chalok-Lembangan Sungai Bari Merang.

Penyertaan dalam Pameran dan Pertandingan Produk Inovasi Penyelidikan

Sebanyak dua pameran telah disertai di peringkat antarabangsa dengan pencapaian tertinggi memperolehi enam pingat Emas daripada 18 penyertaan. Senarai penuh pingat dan anugerah yang berjaya diperoleh oleh para penyelidik UMT adalah seperti di **Jadual 32** dan **33**.

Jadual 32: Pencapaian dalam Pameran dan Pertandingan Produk Inovasi Penyelidikan

Pameran	Pencapaian				Jumlah Pingat	Jumlah Penyertaan
	EMAS	PERAK	GANGSA	Hadiah Utama		
Peringkat Antarabangsa						
International Invention, Innovation and Technology (ITEX) 2016 KLCC, Kuala Lumpur	5	4	4	0	13	13
Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016 – Seoul, Korea	1	2	1	1	5	5
Jumlah Keseluruhan	**6**	**6**	**5**	**1**	**18**	**18**

Jadual 33: Senarai Pencapaian Pingat dan Anugerah

Bil	Produk	Nama	Pencapaian
International Invention, Innovation and Technology (ITEX) 2016 KLCC, Kuala Lumpur			
1.	*AC.THIO-SENSE: Green Approach Sensing Material for Carbon Monoxide Gas Detection*	Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul bin Wan Mohamed Zin	Pingat Emas
2.	*MY-ATMOS : Novel Method With Stochastic Approach to Analyse Big Data Sets*	Dr. Noor Zaitun binti Yahaya	Pingat Emas
3.	*User's Behaviour Analyzer for E-Learning Applications in the Social Network (UBIAR)*	Dr. Noraida binti Hj. Ali	Pingat Emas
4.	*Mic-Pyro : A Microwave Pyrolyzer to Recover Diesel-Like Fuel from Waste Waste Palm Oil*	Dr. Lam Su Shiung	Pingat Emas
5.	*Microwave Activated Char from Biomass Waste - A Promosing Activated Carbon for Environmental and Catalytic Applications*	Dr. Lam Su Shiung	Pingat Emas
6.	*HeXAN Bio-plastic: Smart Materials for Greener Technology*	Prof. Madya Dr. Mohd Ikmar Nizam bin Mohamad Isa	Pingat Perak
7.	*SYNERGR8™ Evolving New Paradigm for Natural Hybrid Sunscreen in Cosmeceutical Treatment Towards Zero Fisheries Waste for Global Sustainibility*	Mohd Zul Helmi bin Rozaini	Pingat Perak
8.	*The Hurricane Protective Barrier System*	Dr. Mohamad Rosni bin Othman	Pingat Perak
9.	*NANO-CAT: CO2 Greenhouse Gas Converter into Useful Products*	Dr. Mohd Hasmizam bin Razali	Pingat Perak
10.	*ON DEMAND COATED CAPSULE (OD2C) -Novel, Robust and Reliable Coated Capsule Embedded with Magnetic Nanoparticle for Demand Drug Release Especially in Colon*	Dr. Laili binti Che Rose	Pingat Gangsa
11.	*ThiOLED: A Petit Waste-Reducing New Materials for Lighting Technology Interest*	Prof. Madya Dr. Wan Mohd Khairul bin Wan Mohamed Zin	Pingat Gangsa
12.	*LeucaFix: Wound Healing for Fish Injuries*	Prof. Madya Dr. Marina binti Hassan	Pingat Gangsa
13.	*Fruit Peel Char As A Green Solid Fuel, Soil Additive and Carbon Black*	Dr. Lam Su Shiung	Pingat Gangsa
Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016 – Seoul, Korea			
1.	*Mic-Pyro : An Innovative Microwave Pyrolyzer to Transform Waste Oil into Fuel Products with Improved Properties*	Dr. Lam Su Shiung	Hadiah Utama
2.	*PKC-Nuti+: A Novel Feed for Intensive Tank Production of the Brine Shrimp Artemia, an Important Live Food for Aquaculture*	Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung	Pingat Emas
3.	*Pellet P3+: A New Aquafeed for Boosting Protection of the White Leg Shrimp Litopenaeus Vannamei Against Virulent Vibrios*	Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung	Pingat Perak
4.	*Microwave Activated Char (MAC) – A High-Grade Adsorbent and Filter Material Produced from Agriculture Waste*	Dr. Lam Su Shiung	Pingat Perak
5.	*BoG-PNA: A New Chromogenic Substrate for the Detection of Endotoxin*	Dr. Maisara binti Abdul Kadir	Pingat Gangsa

Harta Intelek

Sehingga tahun 2016, UMT telah menghasilkan lapan hak milik paten, empat produk yang didaftar untuk paten dan tiga Cap Dagang UMT seperti di **Jadual 34, 35** dan **36**.

Jadual 34: Senarai Paten UMT

Bil.	Tajuk	Penyelidik
1.	*Oligonucleotides for Detecting Hemolysin Gene in Aeromonas spp.*	Profesor Dr. Najiah binti Musa Lee Kok Leong
2.	*Oligonucleotides for Detecting a Target Gene in Koi Herpes Virus*	Profesor Dr. Najiah binti Musa Lee Kok Leong
3.	*Antimicrobial Lotion for Wound Healing*	Profesor Dr. Awang Soh bin Mamat Dr. Nurul Huda binti Abdul Kadir
4.	*Health Supplement Composition of Sea Cucumber*	Profesor Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid
5.	*Animal Feed from Red Seaweed*	Profesor Dr. Awang Soh bin Mamat
6.	*Mannheimia Haemolytyca Vaccine*	Profesor Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid Profesor Dr. Mohd Zamri bin Saad
7.	*Insect Repellent*	Profesor Dr. Awang Soh bin Mamat
8.	*Process for the Preparation of Amoebocyte Lysate from the Haemolymph of the Horseshoe Crab*	Prof. Madya Dr. Noraznawati binti Ismail Prof. Madya Dr. Mariam binti Taib Dr. Ahmad Shamsuddin bin Ahmad Dr. Anil Kumar Chatterji



Jadual 35: Senarai Pendaftaran Paten UMT 2016

Bil.	Tajuk	Penyelidik
1.	*Fish Feed Additives*	Prof. Madya Dr. Marina binti Hasan
2.	*BF Nano-Emerging the Secret of Rapid Skin Rejuvenation*	Mohd Zul Helmi bin Rozaini
3.	*Electrodes for Detecting Heavy Metal Ions and Method of Synthesizing the Same*	Prof. Madya Dr. Mohd Azmuddin bin Abdullah
4.	*Nutritional Food Product*	Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail

Jadual 36: Senarai Cap Dagang UMT

Bil	Tajuk
1.	Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat
2.	Ocean of Discovery, for Global Sustainability
3.	Logo baharu UMT



Ringkasan Aktiviti Penyelidikan

Ekspedisi Pelayaran Saintifik Kebangsaan

Ekspedisi Pelayaran Saintifik Kebangsaan (ESPK) 2016 yang diterajui oleh MOSTI melalui usaha sama NBOS bersama Pusat Hidrografi Nasional (PHN), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Jabatan Laut Malaysia (JLM) bertujuan untuk mengkaji kelestarian ekosistem marin dalam menghadapi perubahan iklim negara.

Tema yang telah dipilih pada tahun ini adalah *Sustainability of Malaysian Water in Changing Climate* dengan fokus pengumpulan data dalam empat bidang utama oseanografi dan sains marin iaitu fizik, kimia, biologi dan geologi. Ekspedisi ini melibatkan seramai 70 orang penyelidik dan mengambil masa selama 45 hari (2 Ogos hingga 23 September 2016) meliputi kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di Perairan Laut China Selatan.



Ekspedisi Antartika Malaysia

Penyelidik UMT, Dr. Wan Mohd Rauhan Wan Hussin telah terpilih menyertai Ekspedisi Antartika Malaysia 2016 yang turut disertai oleh tujuh penyelidik lain dari lima universiti tempatan. Ekspedisi ini telah diselaraskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensinya Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM).

Kajian saintifik yang dijalankan adalah berkaitan dengan hubung kait antara Antartika, biodiversiti dan perubahan iklim, dengan penekanan kepada kajian gas rumah hijau dan lapisan ozon. Hasil kajian akan dapat menyumbang kepada penjanaan ilmu dan pengetahuan baru yang boleh membantu masyarakat tempatan dan global untuk lebih memahami fenomena perubahan iklim.

Di samping itu juga hasil penemuan daripada penyelidikan ini telah dibentangkan pada Mesyuarat Dua Tahun Sekali Kali Ke-34 dan Persidangan Sains SCAR (Scientific Committee on Antarctic Research) 2016.





Penyelidik UMT, Dr. Wan Mohd Rauhan Wan Hussin



"UMT terlibat secara aktif ke arah usaha untuk mendapatkan status Tanah Bencah Setiu sebagai taman negeri."

Pengurusan Bencana

Seminar Australia-Malaysia Research Series II: *Disaster Management and Related Issues* telah diadakan pada 23 Mac 2016 dengan tujuan untuk mendapatkan pandangan pakar antarabangsa dalam kajian mengurus bencana alam. Pembentangan hasil kajian penyelidikan oleh kumpulan Special Interest Group (SIG) Coastal Disaster Risk Solution (CDRS) telah dibentangkan untuk menyelesaikan masalah hakisan pantai dan pengurusan bencana komuniti setempat yang terjejas.







Ekspedisi Saintifik Tanah Bencah Setiu

Tanah Bencah Setiu, Terengganu adalah kompleks tanah lembap pantai yang terbesar di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *World Wildlife Fund (WWF)*-Malaysia dengan kerjasama UMT, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) dan masyarakat setempat telah menjalankan ekspedisi saintifik untuk mendapatkan status Tanah Bencah Setiu sebagai taman negeri. Selain itu, ekspedisi ini bertujuan untuk menjana penemuan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat dalam memastikan persekitaran tanah lembap kawasan pemuliharaan yang mempunyai nilai komersial dapat dilindungi.



Kelulut Emas Borneo

Tetragonula Sirindhornae @ Kelulut Emas merupakan catatan bersejarah kepada UMT apabila Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak telah menemui spesies Kelulut Emas di Sabah. Ia merupakan penemuan pertama di Malaysia yang telah dikenalpasti melalui abdomen berwarna emas dan saiz badan. Kajian kelulut emas biasanya hanya di Eropah, namun beliau berharap agar penemuan spesies ini lebih banyak dapat dijumpai memandangkan ia mampu menjana pendapatan yang lumayan kepada masyarakat.

Selain itu, Kembara Kelulut di Thailand juga dijalankan yang bertujuan untuk mengkaji kejadian serangan besar-besaran serangga perosak yang memusnahkan beribu koloni kelulut di Thailand. Komuniti pengusaha kelulut dari negara berkenaan telah menjemput penyelidik UMT untuk mendapatkan nasihat dan kepakaran. Kajian yang telah dilakukan diharapkan dapat melengkapkan Makmal Kualiti Madu Pantai Timur yang dijangka beroperasi pada tahun 2017.







Pameran Keunikan Serangga

Pihak Petrosains telah menjemput Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan binti Azmi untuk mengadakan pameran keunikan serangga sempena minggu '*Science Engagement Session*' di Petrosains KLCC. Beliau bersama lapan orang pelajar siswazah telah terlibat dalam pameran tersebut untuk memberi pendedahan kepada orang awam mengenai keunikan dan kepelbagaian spesies serangga khususnya yang terdapat di Negeri Terengganu. Pameran ini telah berjaya menarik minat ratusan pengunjung awam yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja mahu pun dewasa dan yang lebih mengujakan adalah kunjungan daripada pelancong asing seperti Australia, Afrika Selatan, Jerman, New Zealand dan sebagainya.

Selain itu, kajian beliau bersama Kumpulan Penyelidik Red Palm Weevil (RPW) UMT ke atas serangga perosak serius tanaman utama palma, *Rhynchophorus ferrugineus* atau lebih dikenali sebagai 'Red Palm Weevil' (RPW) telah diketengahkan dalam rancangan dokumentari berasaskan industri pertanian dan penternakan iaitu *Agrojurnal* pada 8 Ogos 2016 di *RTM1*.







Penghasilan Piza Berkalsium Tinggi

Hasil kerjasama UMT dan Koperasi Bukit Guntung, Banggol Peradong Manir melalui sumbangan dana Community Innovation Fund (CIF) di bawah MOSTI telah menghasilkan roti piza berkalsium tinggi pertama di Malaysia.

Pembuatan doh piza tersebut menggunakan serbuk *hidroksiapatit* (HA) daripada sisa tulang ikan yang diproses secara nano partikel dan ia selamat dimakan melalui kajian toksikologi. Produk ini telah diperkenalkan kepada orang ramai pada Ogos 2016 dan memberi peluang keusahawanan kepada komuniti serta pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.



Hadiah Utama Pameran SIIF Korea

Dr. Lam Shu Shiung telah mencipta kejayaan di Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016 dengan memperolehi Hadiah Utama (Grand Prize) melalui produk beliau "Mic-Pyro: An Innovative Microwave Pyrolyzer to Transform Waste Oil into Fuel Products with Improved Properties". Kajian produk beliau adalah terhadap teknologi pirolisis, yang mana dapat menukarkan sisa domestik dan biomas kepada bahan api (biofuel), *biochar* dan karbon teraktif.

Sebanyak 639 penyertaan daripada 31 buah negara telah menyertai program ini dan Dr. Lam Shu Shiung merupakan satu-satunya penyelidik dari Malaysia yang berjaya mendapat Anugerah Hadiah Utama. Beliau juga turut mendapat penghargaan daripada Presiden Agri-Green Foundation dan ahli Jawatankuasa Eksekutif International Federation of Inventors Association (IFIA), Dr. Adnan Fahad Rashed Al Ramzani Al Naimi kerana kecemerlangan dan penghormatan kepada produk ciptaan beliau.

Pengiktirafan ISO Makmal IMB

Makmal Cytotoxicity di Institut Bioteknologi Marin (IMB) telah berjaya mendapat pengiktirafan ISO/IEC 17025:2005 dalam bidang *toxicity* untuk tempoh selama tiga tahun mulai 17 November 2016. Berikut adalah "Standard Operating Procedure" (SOP) yang mendapat pengiktirafan ISO.

Bahan Mentah/ Produk yang Diuji	Jenis Ujian/ Ukuran *properties*/ Lingkungan Pengukuran	Kaedah Pengukuran Standard/ Peralatan/ Teknik
Bahan Kimia Produk Semula jadi i) Ekstrak ii) Fungsi iii) Nilai Bersih *iv) Finish Formulation*	*Cytotoxicity Assay* *Cytotoxicity Assay*	MTS CYTOTOCITY METHOD BASED ON Journal of Ethnopharmacology 150 (2013)382-388 Document No: IMB/STM/AC/CTA/2013(1)



Schedule

Issue date: 17 November 2016
Valid until: 17 November 2019

NO: SAMM 796

MS ISO/IEC 17025

Page: 1 of 1

LABORATORY LOCATION: (PERMANENT LABORATORY)

ANIMAL CELL CULTURE LABORATORY
INSTITUTE OF MARINE BIOTECHNOLOGY
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU
MALAYSIA

This laboratory accredited under *Skim Akreditasi Makmal Malaysia* (SAMM) meets the requirements of MS ISO/IEC 17025:2005 'General requirements for competence of testing and calibration laboratories'. This Malaysian Standards is identical with ISO/IEC 17025:2005 published by the International Organization for Standardization (ISO).

FIELD OF TESTING: TOXICITY

SCOPE OF ACCREDITATION:

Materials/ Products Tested	Type of Test/ Properties Measured/ Range of Measurement	Standard Test Methods/ Equipment/Techniques
Chemical Products Natural Products i. Extract ii. Functions iii. Pure Compounds iv. Finished Formulations	Cytotoxicity Assay Cytotoxicity Assay	MTS cytotoxicity method based on Journal of Ethnopharmacology 150 (2013) 382-388. Document number: IMB/STM/AC/CTA/2013 (1)

The valid scope of accreditation is in www.jsm.gov.my/sub_directories

Signatories:

1. Prof. Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
2. Assoc. Prof. Dr. Norazwanati binti Ismail
3. Thirukanthan a/l Chandra Segaran
4. Murni Nur Islamiah binti Kassim

SKIM AKREDITASI MAKMAL MALAYSIA (SAMM)
LABORATORY ACCREDITATION SCHEME OF MALAYSIA

Penerbitan

Rajah 23 menunjukkan jumlah penerbitan UMT bagi tahun 2016.



Rajah 23: Penerbitan Mengikut Kategori



Pada tahun 2016, UMT telah menang Anugerah Buku Negara Kategori Anugerah Industri Buku, Buku Seni Reka Terbaik melalui penerbitan buku *Masjid Ulul Albab*. Buku ini adalah tulisan Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor dan Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar. Buku ini mendokumentasikan seni reka dan pembinaan Masjid Ulul Albab yang diilhamkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.





UMT juga telah mempergiatkan usaha kerjasama penerbitan dengan pelbagai agensi dalam dan luar dengan menghasilkan penerbitan buku seperti berikut:

Penerbitan bersama buku *Transparent Fish/ Ikan Lut Sinar* dengan pihak Institut Terjemahan Buku Negara (ITBM), buku bahasa Mandarin yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Dr. Seah Ying Geat dan Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar

JARINGAN INDUSTRI & PEMINDAHAN ILMU





Pemindahan Ilmu

Pelbagai bentuk program pemindahan ilmu telah dilaksanakan untuk manfaat komuniti dan masyarakat setempat. Program tersebut dijalankan dengan hasrat untuk menterjemahkan kepakaran penyelidikan menggunakan konsep kerjasama kesatuan empat pihak (*quadriple helix*) iaitu akademia, industri, kerajaan dan komuniti.

Projek yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

Program Pemindahan Ilmu dan Inovasi Sosial

Terdapat perkembangan positif terhadap peruntukan dana bagi pelaksanaan program pemindahan ilmu. UMT menerima Geran Pembelajaran Sepanjang Hayat (KPT-PSH) yang diperkenalkan oleh KPT bagi meneruskan momentum projek pemindahan ilmu di UA. Selain terimaan geran tersebut, UMT turut menerima dana dari agensi atau program seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37 : Terimaan Dana bagi Program Pemindahan Ilmu 2012-2016

Tahun	UCTC	INOVASI@UMT SOSIAL	PROGRAM PEMINDAHAN ILMU ILMU UNTUK SEMUA	EAST COAST ECONOMIC REGION	MOSTI COMMUNITY INNOVATION FUND	Jumlah
2012	-	-	RM125,610	-	-	RM125,610
2013	-	-	RM788,908	-	-	RM 788,9O8
2014	RM360,000	RM130,000	-	RM216,480	-	RM706,480
2015	RM47,410	RM519,466	RM130,175	RM500,000	RM100,000	RM1,297,051
2016	RM52,500	RM50,000	RM261,125	RM2,125,423	-	RM2,489,048
Jumlah	**RM459,910**	**RM699,466**	**RM1,305,818**	**RM2,841,903**	**RM100,000**	**RM5,407,097**

Manakala **Jadual 38** pula menunjukkan perincian projek pemindahan ilmu yang diterima oleh universiti daripada sumber dana yang pelbagai.

Jadual 38: Senarai Projek Pemindahan Ilmu Bergeran

Bil.	Tajuk Projek	Komuniti / Industri	Jumlah Dana (RM)	Geran
1.	*The Knowledge Transfer of Recirculating Aquaculture System (RAS) for Hybrid Grouper Farming to Aqua Genesis Sdn. Bhd. Toward Green Farming*	Aqua Genesis Sdn. Bhd.	106,350.00	KTP
2.	*Development of Neo-Female Broodstock for the Hatchery Production of High Quality All Male Post Larvae of Giant Freshwater Prawn, Macrobranchium rosenbergii*	AM Aquatechnics Sdn. Bhd.	154,775.00	KTP
3.	Ternakan Udang Galah Jantan Dalam Tangki	Komuniti Setiu	50,000.00	Inovasi Sosial (BHI-NBOS)
4.	Program Kelab Hevotech@Komuniti (Mini RTC Kg. Pela, Ajil, Terengganu)	Komuniti Kg. Pela	12,500.00	UCTC-Mini RTC
5.	Program *Empower* ECER Latihan Akademik	Pelajar	1,800,000.00	Dana ECERDC
6.	Program *Empower* ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan	Belia, Ibu tunggal, Surirumah	301,000.00	Dana ECERDC
7.	Akuapolitan Kuala Nerus - Profiling Tambahan 300 Isi Rumah di Perkampungan Nelayan Kawasan Batu Rakit dan Mengabang Telipot	Komuniti	24,423.00	Dana ECERDC
8.	Kaedah Penanaman Herba Ubatan Kerjasama Industri	Komuniti	40,000.00	UCTC
9.	Elit InES-P	Pelajar	101,654.00	Lain-lain geran
10.	Saintis Islam Terengganu	Pelajar	75,918.00	Lain-lain geran
11.	Program Transformasi Minda Psikospiritual Remaja Kohort II 2016/2017	Remaja Bermasalah	61,600.00	Lain-lain geran
	Jumlah		**2,728,220.00**	



International Conference on Social and Economic Development.



Program Empower ECER.

Antara projek pemindahan ilmu yang telah dilaksanakan adalah Projek Bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Melalui program ini, UMT telah dilantik sebagai penyedia perkhidmatan dalam dua projek pemindahan ilmu iaitu Program *Empower* ECER Latihan Akademik dan Program *Empower* ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan.

Program Empower ECER Latihan Akademik

Ketua Projek	:	Dr. Mohd Nizam bin Lani
Objektif	:	Mengukuhkan dan meningkatkan prestasi akademik pelajar lemah dan sederhana dari keluarga B40 serta memperkasakan sahsiah pelajar secara holistik
Sasaran	:	900 Pelajar UPSR, PT3 dan SPM bagi kawasan Besut, Setiu dan Kuala Nerus
Penanda Aras	:	Lulus 90% dalam lima mata pelajaran utama



Program *Empower* ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan

Ketua Projek	:	Ahmad Rusdi bin Abdullah
Objektif	:	Meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat setempat
Sasaran	:	Belia, ibu tunggal, suri rumah AKN
Penanda Aras	:	Peserta mendapat sijil kemahiran dan mendaftar perniagaan serta berpendapatan melebihi RM1,000.00





Public Private Research Network (PPRN): Inisiatif Penyelesaian Masalah di Industri

Projek penyelesaian masalah industri merupakan salah satu inisiatif untuk melebarkan jaringan universiti dengan industri melalui PPRN. **Jadual 39** menunjukkan empat projek yang menerima dana ini sejak diperkenalkan.

Jadual 39: Projek yang Menerima Dana PPRN

Bil.	Tajuk Projek	Industri Terlibat	Penyelidik
1.	*Bio Fertilizer - Shelf Life and Bad Culture Odour*	JBIO Microbe Sdn. Bhd.	Dr. Kesaven a/l Bhubalan
2.	*Microbial Mother Culture - Microbial Seed Culture*	Phytogold Sdn. Bhd.	Dr. Kesaven a/l Bhubalan
3.	*Development of Giant Freshwater Prawn Broodstock in Captivity and the Improvement of All Male Post Larvae Production*	Firpromes Enterprise	Profesor Dr. Mhd Ikhwanuddin bin Abdullah
4.	*Stability of Stevia as Sweetener in Products*	RMD Stevianas	Dr. Fauziah binti Tufail Ahmad

Program Libatsama Komuniti / Agensi

Antara program telah dijalankan adalah seperti di **Jadual 40.**

Jadual 40: Senarai Komuniti/ Agensi yang Terlibat dengan Projek Komuniti

Bil	Nama Program	Keterangan Program	Keterlibatan Komuniti / Industri
1.	Kimia Ke Desa	Pendedahan kepada masyarakat luar bandar terhadap sains kimia.	Komuniti luar bandar
2.	Kursus Kepimpinan Alam Sekitar - Sains Marin	Meningkatkan keyakinan dan jati diri pemimpin pelajar serta memperkasa kepimpinan pelajar dari segi komunikasi yang berkesan.	Pelajar
3.	SAHUT	Memberi pendidikan berkaitan alam sekitar, sumber dan kehidupannya secara *hands on* serta mendedahkan pelajar mengenai *survival* hidup untuk membentuk pemimpin yang matang, kreatif dan berani.	Pelajar
4.	Program Kejurulatihan SBP	Pendedahan mengenai pembelajaran berkaitan alam sekitar, sumber dan kehidupannya dan mampu menyumbang sebagai tenaga pelengkap kejurulatihan Kursus Kepemimpinan Sains Marin SBP di masa akan datang.	Guru SBP
5.	Kem Kesedaran Belangkas	Program berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan populasi Belangkas di perairan Sabah.	Komuniti
6.	Komuniti Belia Bestari@PPPSE	Melahirkan generasi belia yang berkemampuan untuk menjana pendapatan melalui perniagaan sendiri serta mewujudkan komuniti belia bestari melalui penjanaan kemahiran, keusahawanan dan gaya hidup sihat.	Komuniti Belia
7.	Kolokium Penjanaan Pendapatan Berorientasikan Kraf Tangan Komuniti Orang Asli Sungai Berua	Memberi pendedahan dalam meningkatkan mutu dan kualiti produk kraf tangan mengikut standard pasaran semasa, memberi pengetahuan dan kaedah memasarkan dan mengkomersialkan produk kraf tangan Orang Asli.	Komuniti Orang Asli
8.	Seminar e-Usahawan Pemasaran Digital Bagi Menjana Pendapatan	Memperkenalkan medium pemasaran digital kepada usahawan baru untuk melahirkan lebih ramai usahawan celik teknologi.	Komuniti
9.	*International Forum on Shrimp Disease in Aquaculture'* (Ifosd 2016)	Forum perkongsian ilmu mengenai penyakit udang dan langkah-langkah yang perlu diambil.	Agensi dan Industri
10.	Kursus Asas Ternakan Akuakultur	Memberi pendedahan kepada pengusaha ternakan akuakultur tentang cara pengurusan ternakan yang betul, pengurusan kualiti air dan pembelajaran tentang penyakit ikan.	Komuniti dan Industri

Bil	Nama Program	Keterangan Program	Keterlibatan Komuniti / Industri
11.	Makmal Bergerak UMT dan Pameran SIG Geopark Tasik Kenyir	Perasmian Makmal Bergerak UMT dan pendedahan berkenaan penyelidikan dan aktiviti yang berlaku di sekitar kawasan Geopark Tasik Kenyir.	Komuniti dan Agensi
12.	Bengkel Pembinaan Montaj dan Grafik TV PSS Sekolah-sekolah Negeri Terengganu Dalam Menyokong PdP Abad Ke-21 (2016)	Program kerjasama antara UMT dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu dalam memperkasakan kemahiran ICT dalam kalangan pelajar dan guru.	Pelajar dan Guru
13.	Bengkel Pembangunan TV PSS dan Kemahiran Literasi Maklumat (Komunikasi) Sekolah-sekolah Negeri Terengganu Dalam Menyokong PdP Abad Ke-21 (2016)	Program kerjasama antara UMT dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu dalam usaha memperluas penggunaan TV PSS di sekolah serta memperkasakan kemahiran literasi maklumat iaitu komunikasi dalam kalangan pelajar dan murid.	Pelajar dan Guru
14.	Bengkel Pembangunan i-Book - Kolaboratif UMT bersama Pusat Sumber Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) dengan kerjasama UMT melaksanakan projek i-Book khususnya kepada Pusat Sumber (SESMA) bagi persediaan ke penilaian Anugerah Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan (APSSK) Tahun 2016.	Pelajar dan Guru
15.	Program Peningkatan Kemahiran Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) Siri I dan II	Program ini bertujuan untuk melatih peserta dalam bidang penyakit ikan dan teknik pewarnaan parasit.	Pelajar
16.	*International Workshop on Portunid Crab and Sustainable Fisheries 2016*	Membincangkan isu dan masalah dalam industri ketam portunid dalam satu platform berbentuk akademik bagi berkongsi idea dan pendapat serta menjalin hubungan dan jaringan bagi membangunkan industri ketam portunid.	Agensi dan Industri
17.	Program Jalinan Sekolah Kluster Kecemerlangan Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan dan Sekolah Kebangsaan Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail	Membangunkan modal insan cemerlang minda kelas pertama menerusi permuafakatan yang kukuh antara sekolah kluster dengan UA.	3 orang guru dan 60 orang pelajar
18.	Program Inovasi Sosial MOSTI: Karnival Sains bagi Program Duta Sains Setiu 2016 (Sekolah Kebangsaan Kg. Rahmat Setiu)	Pendedahan kepada komuniti setempat tentang kepentingan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).	Pelajar dan Komuniti
19.	Program Karnival Sains Parlimen Setiu	Mendedahkan hasil kajian biodiversiti di Terengganu serta meningkatkan kesedaran masyarakat setempat khususnya pelajar-pelajar untuk menghargai kepelbagaian biodiversiti yang terdapat di sekitar mereka.	Pelajar dan Agensi
20.	*Wild Wildlife with Tenuk and Friends*	Pameran dan ceramah konservasi tenggiling.	Komuniti dan Agensi

Bil	Nama Program	Keterangan Program	Keterlibatan Komuniti / Industri
21.	Setiu Wetland Scientific Expedition	Ekspedisi Saintifik yang dianjurkan oleh WWF Malaysia dengan kerjasama Stesen Penyelidikan Tanah Bencah Setiu UMT untuk mendokumen sumber biodiversiti di sekitar Setiu.	Agensi dan Industri
22.	Program Cakna komuniti PPIMG	Membantu pelajar-pelajar miskin dari SMK Tok Dor dengan memberi motivasi, pendedahan ilmu sains komputer dan matematik.	Pelajar
23.	Olimpiad Matematik	Memberi pendedahan kepada pelajar sekolah berkenaan Matematik dan membantu pelajar lebih memahami matematik	Pelajar
24.	Program Inovasi Sosial	Memberi pendedahan kepada peserta tentang perniagaan melalui media sosial.	Komuniti
25.	*Young Innovate Programme*	Memupuk minat pelajar terhadap kursus pengaturcaraan (menggunakan perkakasan arduino) di peringkat sekolah menengah.	Pelajar
26.	Program Pusat Islam Bersama Komuniti	Program pemindahan ilmu berkaitan Terapi Seni Ekspresif kepada para pelajar dan guru.	Pelajar dan Guru
27.	Kem Bijak Aulad	Penganjuran kem bagi menekankan asas pendidikan agama yang disertai oleh 65 orang anak-anak masyarakat setempat dan warga UMT.	Komuniti dan pelajar



Program sayangi tuntung sungai di Setiu.



Kem motivasi untuk pelajar daerah Besut tatacara menghadapi peperiksaan SPM.

Jaringan Industri

Sehingga 2016, lebih daripada 25 rakan industri telah berkolaborasi dengan UMT dalam pelbagai kerjasama sama ada melalui khidmat nasihat, perundingan, pengkomersilan, perkongsian ilmu pengetahuan dan sebagainya. **Rajah 24** menunjukkan antara rakan industri UMT.



Rajah 24: Rakan Industri UMT

Memorandum Persefahaman dan Perjanjian

Pemeteraian kerjasama antara pihak-pihak melalui perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) atau Perjanjian (MoA) merupakan langkah-langkah mengadakan hubungan jangka masa panjang yang berstrategik dan berimpak. Sebanyak 14 MoU dan empat MoA telah ditandatangani di peringkat dalam dan luar negara seperti **Jadual 41**.

Jadual 41: Senarai MoU dan MoA

Bil.	Organisasi/ Agensi
MoU Luar Negara	
1.	Universite Libre De Bruxelles ("ULB"), Belgium
2.	Kasetsart University, Thailand
3.	Prince of Songkla University, Thailand
4.	Mokpo National Maritime University, South Korea
5.	Institute of Urban Environment, Chinese Academy of Sciences ("IUE")
6.	Chittagong Veterinary and Animal Sciences University, Bangladesh
7.	The Coral Triangle Initiative on Coral Reefs, Fisheries and Food Security (CTI-CFF)
8.	Ocean University of China
MoU Dalam Negara	
9.	Universiti Teknologi Malaysia
10.	Majlis Sukan Negeri Terengganu
11.	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
12.	Bureau Veritas Malaysia Sdn. Bhd.
13.	Institute of Technology Petronas Sdn. Bhd.
14.	Tropbio Research Sdn. Bhd.
MoA Luar Negara	
15.	Japanese and Malaysian Institutes (Satreps-Cosmos)
MoA Dalam Negara	
16.	Jian Sheng Aquaculture Sdn. Bhd.
17.	Greeny Aquaculture Sdn. Bhd.
18.	Malaysian Bioeconomy Corporation Sdn. Bhd.

UMT Lebarkan Sayap Kerjasama dalam Bidang Perikanan dan Akuakultur ke China

Lawatan kerja ini diketuai oleh Naib Canselor dengan tujuan untuk memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMT dan Ocean University of China (OUC) dan juga Letter of Intent (LoI) antara UMT dan Yellow Sea Fisheries Research Institute (YSFRI) di Qingdao, China.

Delegasi ini turut disertai oleh Prof. Dr. Mazlan Abd Ghaffar, Prof. Dr. Najiah Musa dan Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung dari Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur (PPSPA).

Kerjasama dengan kedua-dua buah institusi terkemuka ini adalah melibatkan kerjasama akademik dan penyelidikan dalam bidang perikanan dan akuakultur. Ia juga merupakan usaha untuk meningkatkan jaringan akademik dan pengantarabangsaan UMT di peringkat global di samping memberi manfaat kepada para pelajar melalui aktiviti latihan atau sangkutan di institusi berkaitan dalam jangka masa panjang.



Kolaborasi Penyelidikan dan Governan Kelautan dengan Indonesia

UMT juga turut mengadakan jaringan kerjasama dalam kolaborasi penyelidikan dan governan kelautan bersama Coral Triangle Initiative on Coral Reefs, Fisheries and Food Safety (CTI-CFF) yang beribu pejabat di Manado Sulawesi Utara.





PEMANTAPAN CITRA


SAILING TEAM
UMT
Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat
Ocean of Discoveries, for Global Sustainability
OfficialUMT
www.umt.edu.my



UMT terus gigih membina jenama dan citranya bagi menempatkan kedudukan di arena global, di samping memperkukuhkan citra kelautan dan ilmu akuatik di peringkat kebangsaan dan tempatan.

Pengurusan Media

UMT terus memanfaatkan infrastruktur teknologi untuk meningkatkan keberkesanan perhubungan awam melalui penggunaan aplikasi internet seperti laman sesawang, laman sosial, blog dan sebagainya. Inisiatif ini merupakan transformasi jaringan perhubungan bagi mendekatkan UMT dengan masyarakat melalui sistem penyampaian maklumat yang lebih cekap, pantas dan interaktif. Pendekatan ini diharapkan dapat membentuk imej dan reputasi yang unggul kepada masyarakat, seterusnya membina persepsi yang baik terhadap universiti.

Hasil aktiviti promosi dan publisiti yang telah dijalankan, UMT telah mendapat liputan dari pelbagai saluran media cetak, elektronik dan sosial seperti **Rajah 25**.



Rajah 25: Liputan Media

Menghargai Sokongan Pengamal Media Dalam MAM 2016

UMT melalui Pusat Komunikasi Korporat (PKK) telah meraikan para pengamal media Terengganu dari pelbagai agensi media seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM), rangkaian Media Prima seperti TV3, TV9, HotFM, News Straits Times (NST), Sin Chiew Jit Poh dan lain-lain lagi di dalam Majlis Apresiasi Media (MAM) 2016 sebagai penghargaan di atas hebahan dan liputan pihak media terhadap program-program anjuran UMT.

MAM 2016 turut mengiktiraf para pengamal media cemerlang dalam Anugerah Gerbang Pena 2016, di mana 12 kategori anugerah telah dipertandingkan.





Harian Metro

27 Januari 2016

RABU
27 JANUARI 2016

FENOMENA AIR PASANG BESAR

Bina segera pemecah ombak!

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com
Masin Harus

Tindakan segera ter-masuk membina la-pis dinding atau ben-teng pemecah ombak perlu dijalankan di kawasan ha-kisan bagi memastikan fe-nomena ombak besar dan angin kencang yang berlaku tidak berterusan memus-nahkan harta benda pendu-duk di pesisir pantai.

Naib Canselor Universi-Malaysia Terengganu (UMT) Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar berkata, tindakan pantas pihak yang bertang-gungjawab membina ben-teng pemecah om-bak di kawasan pan-

BAHAGIAN belakang rumah penduduk musnah dipukul ombak.

UMT NewsHub

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

16 Mac 2016

Peningkatan suhu air laut jejas hidupan marin

ALA TERENGGANU - Pe-ngkatan suhu air laut secara men-ak sekarang yang diakibatkan eh fenomena El-Nino mungkin emberi impak bukan sahaja ke-ada terumbu karang, malah hidu-an marin dan biodiversiti secara seluruhannya.

Naib Canselor Universiti Ma-ysia Terengganu (UMT), Profe-or Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar berkata, sebagai contoh hidupan marin seperti ikan memerlukan terumbu karang untuk membiak.

"Apabila terumbu karang ini telah banyak ter-

Nino turut memberi kelebihan kepada para pengkaji dan saintis dalam bidang hidupan marin dan biodiversiti.

"Mereka boleh me-rungkai kelebihan terum-bu karang atau hidupan marin yang masih mam-pu bertahan dan hidup dalam keadaan suhu yang tinggi.

"Kita juga kini sedang mengenalpasti kawasan yang mempunyai terum-bu karang yang bersifat sedemikian bagi men-cadangkan penemuan baharu

proses pelunturan akibat El-Nino," katanya.

Beliau bercakap ke-pada pemberita selepas merasmikan Persidangan Produk Sumber Asli 2016 di sini semalam.

INFO Suhu negeri kemarau (Sehingga pukul 1 Peta

- Alor Setar, Kedah
- Chuping, Perlis
- Kuala Pilah, Negeri Sembilan

NOR AENI

Media UMT

Berita H... Sinar H... Bernama Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Teganuki...

BERITA HARIAN

1 November 2016

Media UMT

Utusan MALAYSIA

www.utusan.com.my

22 Mega sains

Kajian alga mikro UMT

PENYELIDIK UMT YANG TERLIBAT

Ms.18

Selasa, 1 November 2016

ALAM SEKITAR

Siti Aisyah (kiri) dibantu oleh Pensyarah PPSMS, Dr Nurul Huda Ahmad Ishak memunjukkan rumpai laut merah ditemui di Pantai Tanjung Gelam untuk kajian saintifik di makmal UMT, semalam.

Rumpai merah Tanjung Gelam tak bahaya

UMT sahkan selamat, tida... muc... oran...

Media UMT

Utusan MALAYSIA

6 Jun 2016

sains

Hasilkan kapsul penghantar ubat

Penyelidik UMT beri harapan baharu kepada pesakit kanser

PENGHASILAN KAPSUL

Saiz seni bernilai bes

UMT NewsHub

Sinar harian

23 Februari 2016

Projek akuapolitan pertama negara

Terengganu dipilih sebagai perintis, langkah basmi kemiskinan komuniti nelayan

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU: Terengganu akan melaksanakan Projek Akuapolitan Kuala Nerus (AKN) yang pertama di Malaysia, satu satu dalam pembasmian kemiskinan untuk komuniti nelayan negara ini.

Projek tersebut akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Nerus (MPKN) dan Osman (dua kiri) menyaksikan acara bertukar perjanjian antara ECERDC yang diwakili Nor Aieni.

Terengganu (UMT), Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar.

Bagi merealisasikan, ECERDC telah melantik Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

UMT NewsHub

Bernama Sinar H... Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Berita H... Teganuki...

BERNAMA

14 Februari 2016

Pakar Nafi Ribuan Kerang Di Pantai Petanda Tsunami

KUANTAN, 14 Feb (Bernama) -- Fenomena ribuan kerang terdampar di Pantai Mempisang, Tanjung Gemuk, Rompin dan Pantai Sura, Dungun, 1 ini tiada kaitan dengan tsunami seperti tanggapan sesetengah pihal

Menurut Dekan Fakulti Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur Terengganu (UMT) Prof Dr Mazlan Abd Ghaffar, kejadian itu sebal dengan ombak besar dan kejadian hakisan pantai.

"Dis tahun lepas di Pantai Mempisang juga dilaporkan tentang kejac pantai dan ketika itu berlaku ombak besar bersama hujan lebat.

"Begitu juga kejadian yang sama pada tahun ini di Pantai Mempisang, ia berkait dengan faktor angin monsun yang kuat bers hakisan pantai.

an spesies kerang berbulu ini yang hidup be kit lumpur terdampar ke pantai disebabkan arus epada Bernama di sini hari ini.

esies kerang berbulu, nama saintifiknya Anadara yang boleh didapati berhampiran pantai dan turut n s kerang lain seperti Anadara Granosa, Anadara Ind

UMT NewsHub

Bernama Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Berita H... Teganuki...

BERITA HARIAN

Kerjasama MPN, universiti awam maju Pantai Timur

Utusan MALAYSIA

25 Januari 2016

UMT NewsHub

Bernama Sinar H... Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Berita H... Teganuki...

NEW STRAITS TIMES

27 Februari

Universiti Malaysia Terengganu Vice-Chancellor Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar (second from newly hatched baby turtles at the Turtle Rehabilitation Centre at Chagar Hutang, Pulau Redang,

Turtles draw 22,000 visitors to Terengg

TEMAMAN: More than 22,000 local nd foreign visitors flocked to who visited beach sanctuaries that

UMT NewsHub

Bernama Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Berita H... Teganuki...

Bernama Sinar H... Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Berita H... Teganuki...

Utusan MALAYSIA

agro FAEDAH MYDORI

MyDori bantu kenal spesies ikan

Penyelidik UMT bangunkan aplikasi MyDori hasil gabungan teknologi ICT dan pengimejan

Pengkomersialan MyDori

Perkhidmatan Media Kreatif

UMT melalui Media Kreatif dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat menjalankan perkhidmatan bagi menggerakkan aktiviti publisiti dan promosi universiti yang interaktif dan berinformatif kepada warga kampus dan masyarakat luar. **Rajah 26** menunjukkan bilangan perkhidmatan yang telah disediakan.



Rajah 26: Jenis Perkhidmatan Media Kreatif

Program Rasmi Sepanjang Tahun

Sebanyak 90 majlis rasmi universiti terdiri daripada seminar, persidangan, syarahan awam, pelancaran buku, konvokesyen, majlis anugerah, majlis penghargaan dan lain-lain telah dilaksanakan seperti di **Rajah 27** melibatkan warga UMT, jemputan luar kampus dan tetamu kenamaan daripada agensi luar dalam dan luar negara.

JANUARI	7	FEBRUARI	4	MAC	14
APRIL	9	MEI	19	JUN	1
JULAI	4	OGOS	11	SEPTEMBER	4
OKTOBER	8	NOVEMBER	7	DISEMBER	2

Rajah 27: Bilangan Program yang Diadakan Sepanjang Tahun 2016

Pengantarabangsaan

UMT aktif menjalankan aktiviti pengantarabangsaan melibatkan program mobiliti pelajar, seminar dan persidangan serta kunjungan rasmi delegasi luar negara.

Program Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara

Selain peruntukan KPT dan agensi luar, UMT turut menyediakan peruntukan khusus kepada pelajar untuk menjalankan program mobiliti luar negara bagi memberi pendedahan tentang budaya dan program elektif yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar sekaligus membawa nama UMT di peringkat global. **Jadual 42** menunjukkan jumlah pelajar dan peruntukan yang terlibat dalam program tersebut.

Jadual 42: Bilangan Pelajar Menjalankan Program Mobiliti Luar Negara

Bil.	Jenis Peruntukan	Bilangan Pelajar	Peruntukan (RM)
1.	*Asean International Mobiliti for Students* (AIMS)	**Sem 2 2016/2017** 4 pelajar **Sem 1 2017/2018** 12 pelajar	RM 117,000.00
2.	Outbound Mobiliti KPT	30 pelajar	RM 49,950.00
3.	Tabung Latihan Akademik Luar Negara Pelajar (TALENT)	82 pelajar	RM 118,218.15
	Jumlah pelajar	**128 pelajar**	**RM 285,168.15**

Manakala negara yang terlibat dalam program mobiliti pelajar (outbound) adalah seperti **Rajah 28.**



Rajah 28: Program Mobiliti Pelajar (*Outbound*)

Program Pengantarabangsaan

Pelbagai program pengantarabangsaan telah dianjurkan melalui pelbagai pusat tanggungjawab sama ada dalam bentuk simposium, persidangan, kolokium dan sebagainya seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43: Penganjuran Aktiviti Pengantarabangsaan

Bil.	Nama program	Tarikh
1.	13th International UMT Annual Symposium (UMTAS) 2016	13-15 Disember 2016
2.	International Conference on Natural Products 2016	14-16 Mac 2016
3.	4th International Conference on Accounting, Business and Economics 2016	29 Ogos 2016
4.	International Conference on Social and Economic Development	1-3 November 2016
5.	Kolokium Ekonomi Antarabangsa 2016 Anjuran Bersama Kelab Mahasiswa Ekonomi Sumber Alam (Nrec) dan Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi	8-10 Mei 2016
6.	International Seminar Universiti Awam dan Universiti Swasta	13 Mei 2016
7.	International Appreciation Night	12 Mei 2016
8.	International Week 2016	8-13 Mei 2016
9.	ASEAN Youth Carnival 2016	9-12 Mei 2016
10.	TROPIMUNDO Program 2016 2nd Cohort Eramus Mundus Master of Science Students	Feb-Ogos 2016
11.	Program Latihan Industri Antara UMT dan University of Chittagong Veterinary and Animal Sciences University, Bangladesh	Nov-Disember 2016
12.	Program Sukarelawan SEATRU oleh 2 orang pelajar dari Southampton University, United Kingdom	Julai-Ogos 2016
13.	Lawatan Kerja dan Perbincangan Kerjasama di Kedutaan Indonesia, Kuala Lumpur	Oktober 2016





Penglibatan Pelajar Pascasiswazah dari Pelbagai dalam International Apraciation Night.

Senarai Delegasi Luar Negara

UMT telah dikunjungi oleh delegasi daripada universiti luar negara dengan pelbagai tujuan seperti syarahan sarjana, perbincangan kolaborasi, menandatangani memorandum kerjasama dan penganjuran seminar. **Jadual 44** menunjukkan senarai delegasi ke UMT.

Jadual 44: Senarai Delegasi ke UMT

Bil.	Universiti/ Agensi	Nama delegasi	Tujuan
1.	Dalhousie University, Kanada	Profesor Dr. Thomas H. Macrae	Ceramah: Moving Forward with Biotechnology
2.	Bangabandhu Sheikh Mujibur Rahman Maritime University, Bangladesh	Mr. Shahnaz Samad (Deputy Secretary, Ministry of Education, Bangladesh) Mr. Abu Nasar Muhammad Rezaul Huq (Treasurer) Mr. Mohammad Ziauddin Alamgir (Registrar) Mr. Mohammad Nizam Uddin (Addl Registrar, Council)	Lawatan dan perbincangan kolaborasi.
3.	Bushfire and Natural Hazards Co-operative Research Centre, (CRC) Melbourne Australia	Dr. Richard Thornton (Chief Executive Officer, Bushfire and Natural Hazards Co-operative Research Centre, (CRC) Melbourne Australia	Kolaborasi antara CRC dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan dalam penganjuran seminar: Australia Malaysia Research Seminar Series 2 on Disaster Management
4.	Australian High Commission Kuala Lumpur	Ms. Karen Welsh (Counsellor, Education and Science, Australian High Commission Kuala Lumpur) Ms. Chloe Borzycki (Second Secretary, Political and Economic Department of Foreign Affairs) Ir. Martin Wehner (Researcher, Bushfire & Natural Hazards CRC, Melbourne, Australia	
5.	Kanjuruhan Malang, Indonesia	Dr. Peter Sahertian, Rektor Dr. Christea Fridiantara Dr. Umiyati Jawatan Dr. Suyatno, Pensyarah	Kunjungan hormat ke Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPPSE), UMT.
6.	Yayasan Penyelidikan Islam	Dr. Zakir Naik	Ceramah: Islam is the Solution for Humanity

Bil.	Universiti/ Agensi	Nama delegasi	Tujuan
7.	Trisakti University	Dr. Murtanto Muhammad Yudhi Prof. Farah Margaretha H. Deden Misbahudin Muayyad R. Hera Purnami	Kolokium Ekonomi Antarabangsa 2016 Anjuran Bersama Kelab Mahasiswa Ekonomi Sumber Alam (Nrec) dan Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
8.	East Coralina University (ECU)	Profesor Dr. Stephen John Culver	Ceramah: Adaptation to a Changing World : The UMT-Ecu Coastal Collaboration
9.	Asian University for Women, Bangladesh	Profesor Dr. Harunur Rashid	Ceramah: "Pesticides for Crop Production and Their Fate in Water : Benefit or Forfeit?"
10.	University of Groningen, Netherland	Profesor Dr. Albert Pieter Grootjans	Ceramah: " Mires Over the World with the Focus of the Coastal Wetlands'
11.	Ghent University Belgium	Profesor Emeritus Dr. Patrick Sorgeloos	Ceramah: Future Challenges in Modern Aquaculture
12.	Griffith University, Queensland, Australia	Profesor Dr. Shing Yip (Joe) Lee	Ceramah: Recent Advances in Understanding and Harnessing Mangrove Ecosystem Services"
13.	University Worcester, US.	Profesor Dr. Girish J. Kotwal	Ceramah: Broad Spectrum Vaccine: Nature's Magic Bullets Against Currently Pandemic Virus Infections Like HIV and Emerging Viral Infections Like Zika, Ebola and Bird Flu



Kunjungan hormat daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu Program TROPIMUNDO ke UMT.

Bil.	Universiti/ Agensi	Nama delegasi	Tujuan
14.	United National University (UNU)	Dr. Salvatore Arico	Ceramah: Ocean Sciences and Education in the Context of the 2030 Agenda
15.	Heriot-Watt University	Dr. Joanne Porter	Pembentangan penyelidikan: International Conference on Natural Products 2016
16.	University of Hong Kong and Università degli Studi di Firenze, Italy)	Associate Profesor Dr. Stefano Cannicci	Kunjungan Hormat Ahli Jawatankuasa Pemandu Program TROPIMUNDO
17.	Université Libre de Bruxelles, Belgium & Vrije Universiteit Brussel, Belgium, Chair)	Profesor Dr. Farid Dahdouh-Guebas	
18.	University of French Guyana	Rémy Dezelus	
19.	University of French Guyana	Profesor Dr. Eric Marcon	
20.	Vrije Universiteit Brussel, Belgium	Profesor Dr. Ludwig Triest	
21.	Pengarah Eksekutif, CTI-CFF	Profesor Dr. Ir Widi Agoes Pratikto	Menghadiri Majlis Konvokesyen UMT Ke 14 dan Penerima Anugerah Ijazah Kehormat UMT Tahun 2016
22.	Ghent University, Belgium	Profesor Emeritus Dr. Patrick Sorgeloos	Menghadiri Majlis Konvokesyen UMT Ke-14 dan Penerima Anugerah Kerusi Sultan Mizan Tahun 2016



Naib Canselor menerima kunjungan hormat Profesor Adjung Institut Bioteknologi Marin, Profesor Thomas Macrae dan rombongan dari Dalhousie University, Halifax, Nova Scotia, Canada.

INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR


CANSELORI



Sumber Ilmu

UMT melalui Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) menawarkan koleksi *hybrid* iaitu bercetak dan tidak bercetak bagi menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan. Aktiviti pemerkasaan koleksi ini termasuk dalam aktiviti pembelian dan langganan bahan digital. Secara keseluruhan jumlah koleksi telah meningkat sebanyak 6.7% dan telah mencatatkan aktiviti pinjaman serta muat turun sebanyak 3,977,567 naskhah/unit.

Koleksi Hybrid

Ringkasan keseluruhan koleksi adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45: Koleksi Sumber Mengikut Kategori

Bil.	Sumber	Jumlah Naskhah	Jumlah Dipinjam/Dimuat turun
1.	Sumber Bercetak	102,428	21,735
2.	Sumber Tidak Bercetak	13,364	101
3.	Sumber Atas Talian	51,361	3,955,731
	Jumlah Koleksi	**167,153**	**3,977,567**

Berikut adalah pecahan koleksi dan bilangan dipinjam secara terperinci mengikut jenis sumber rujukan seperti **Jadual 46, 47** dan **Jadual 48**.

Sumber Bercetak

Jadual 46: Koleksi Bahan dan Pinjaman Sumber Bercetak

Sumber/Tahun	Bilangan Koleksi				Bilangan Dipinjam	
	Judul		Naskhah		Naskhah	
	2016	2015	2016	2015	2016	2015
Buku	81,953	79,587	96,790	93,415	21,559	25,702
Jurnal	1,672	1,628	5,638	5,536	176	146
Jumlah Keseluruhan	**83,625**	**81,215**	**102,428**	**98,951**	**21,735**	**25,848**

Sumber Tidak Bercetak

Jadual 47: Koleksi Bahan dan Pinjaman Sumber Tidak Bercetak

Sumber/Tahun	Bilangan Koleksi				Bilangan Dipinjam (Naskhah/Unit)	
	Judul		Naskhah			
	2016	2015	2016	2015	2016	2015
Laporan Projek Elektronik	1,516	1,415	1,516	1,415		
Tesis Elektronik	853	676	853	676		
Carta	17	17	17	17		
CD ROM	5,922	5,831	7,186	6,945	22	35
Digital Audio Tape	2	2	2	2		
Digital Video Tape - DVD	1,107	1,031	1,510	1,372	78	6
Video Compact Disc	673	673	839	839	1	6
Disket	15	15	18	18	-	-
Fotograf	8	8	13	13	-	-
Kaset	80	80	160	160	-	-
Kit	4	4	27	27	-	-
Peta	12	12	43	43	-	-
Poster	24	24	104	104	-	-
Slaid	2	2	2	2	-	-
Video	923	922	1074	1073	-	-
Jumlah Keseluruhan	**11,158**	**10,712**	**13,364**	**12,706**	**101**	**47**
Peratus Peningkatan (%)		**4.1**		**5.1**		**114**

Sumber Atas Talian

Jadual 48: Koleksi Bahan dan Pinjaman Sumber Atas Talian

Sumber/Tahun	Bilangan Koleksi				Bilangan Dimuat Turun	
	Judul		Naskhah			
	2016	2015	2016	2015	2016	2015
Jurnal Elektronik	48	48	48	48	-	-
Pangkalan Data	22	22	22	22	623232	1,169,384
e-book	51,291	42,032	51,291	42,032	3,332499	149474
Jumlah Keseluruhan	**51,361**	**42,102**	**51,361**	**42,102**	**3955731**	**1,318,858**
Peratus Peningkatan (%)				**22**		**199**

Pembangunan Koleksi Digital

Koleksi digital merupakan sebahagian daripada bahan yang boleh digunakan oleh pengguna PSNZ sebagai alternatif kepada bahan bercetak. Bahan digital ini sentiasa ditambah bilangannya melalui kaedah langganan dan pengimbasan bahan dalaman UMT.

Sehingga tahun 2016, sebanyak 42 platform pangkalan data termasuk e-book dilanggan oleh UMT dan KPT seperti di **Rajah 29**.



Rajah 29: Jumlah Pangkalan Data dan e-book

Manakala, bahan yang telah diimbas adalah sebanyak 6,600 mencatatkan peningkatan sebanyak 29.7% berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 5,087. Perincian bahan-bahan yang diimbas adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49: Bahan-bahan Pendigitan

Bil.	Jenis Bahan	Jumlah Bahan Diimbas
1.	Tesis	853
2.	Laporan Projek	1,516
3.	Koleksi Arkib	1,014
4.	Koleksi MyRA	203
5.	Kertas Soalan Peperiksaan	1,440
6.	Koleksi PSNZ	9
7.	Koleksi Gambar	177
8.	e-book	1,020
9.	Bahan Perikanan	54
10.	Minit Mesyuarat	314
	JUMLAH	**6,600**

**Jumlah bahan yang telah diimbas sehingga 31 Disember 2016*





Akses Maklumat dan Penggunaan Perkhidmatan Perpustakaan

Penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan serta penyediaan ruang khas untuk akses koleksi seperti tesis dan kertas soalan memberikan kelebihan kepada pengguna dalam menggunakan sumber perpustakaan secara lebih berkesan. Perkara ini dapat dijelaskan melalui rekod yang telah dicatatkan mengikut aktiviti seperti di **Rajah 30**.

Tempahan Bahan Melalui Portal	151	Pembaharuan pinjaman	12,971
Penggunaan Dalaman (Koleksi Terhad)	69,456	Pengunjung Fizikal	569,076
Pengunjung Maya	151,939	Capaian Akses Media Sosial	33, 978

Rajah 30: Jenis Penggunaan Perkhidmatan Perpustakaan

Penyampaian Perkhidmatan

UMT sentiasa beriltizam untuk memberikan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan kepada penggunanya**.** **Rajah 31** menunjukkan tahap kepuasan pelanggan yang telah dianalisa.

Sumber Maklumat	89.10%	Kemudahan Di PSNZ	92.35%
Perkhidmatan Di PSNZ	92.59%	Persepsi Terhadap PSNZ	95.03%
Kualiti Perkhidmatan Pelanggan	96.62%		

Rajah 31: Tahap kepuasan Pelanggan





Aktiviti jom membaca untuk 10 minit anjuran Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah.

Aktiviti Kepenggunaan dan USR

Aktiviti kepenggunaan yang dianjurkan memberi penekanan kepada pembangunan kompetensi pengguna dalam aspek penyelidikan berkualiti, penggunaan pangkalan data dan memupuk sikap yang baik dalam membudayakan ilmu. Berikut adalah antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 seperti di **Jadual 50**.

Jadual 50: Aktiviti Kepenggunaan Perpustakaan

Bil.	Nama Program	Sinopsis Program
1.	Kelas Pendidikan Pelanggan (16 slot), Scimago Journal Rank, ERA.	Modul yang disediakan adalah Portal PSNZ, Pangkalan Data Langganan dan Scopus
2.	Bengkel Literasi Maklumat 1 (Bengkel Guide to Getting Published: How to Publish in the High Impact Journal)	Memberi pendedahan mengenai kaedah menerbitkan bahan dalam jurnal berimpak tinggi.
3.	Latihan dan Konsultasi Penggunaan Pangkalan Data/e-Book	Meningkatkan kefahaman penggunaan pangkalan data.
4.	Latihan Pangkalan Data Scifinder Scholar	
5.	Online Services Consultation-Portal & Pangkalan Data, Mendeley, PSNZ Digital Repository sempena PSNZ Open Day	
6.	Jom Membaca 10 Minit	Bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia, program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit telah diadakan di seluruh Malaysia.
7.	PSNZ Open Day	Hari bersama pelanggan PSNZ di mana pelbagai acara menarik di sediakan kepada pelanggan.

Aktiviti USR dianjurkan untuk menggalakkan pemindahan ilmu, perkongsian amalan terbaik serta merapatkan hubungan strategik universiti dan masyarakat. Berikut adalah antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51: Aktiviti USR Perpustakaan

Bil.	Nama Program	Sinopsis Program
1.	Bengkel Pembinaan Montaj dan Grafik TV PSS Sekolah-sekolah Negeri Terengganu Dalam Menyokong Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 (2016).	Memperkasakan kemahiran ICT di kalangan pelajar dan guru.
2.	Bengkel Pembangunan TV PSS dan Kemahiran Literasi Maklumat (Komunikasi) Sekolah-sekolah Negeri Terengganu Dalam Menyokong Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 (2016).	Memperluas penggunaan TV PSS di sekolah serta memperkasakan kemahiran literasi maklumat iaitu komunikasi dalam kalangan pelajar dan murid.
3.	Bengkel Pembangunan i-Book - Kolaboratif UMT bersama Pusat Sumber SM Sains Sultan Mahmud.	Membangunkan projek i-Book khususnya kepada Pusat Sumber Sekolah SM Sains Sultan Mahmud (SESMA) bagi persediaan ke penilaian Anugerah Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan (APSSK) Tahun 2016.

Teknologi Maklumat

Penyediaan kemudahan teknologi maklumat yang terkini dan mencukupi adalah faktor penting dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bagi menghasilkan graduan yang berkualiti, mempertingkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan pembangunan (R&D) yang cemerlang, mempertingkatkan kualiti kecekapan dan keberkesanan pentadbiran.

Pembangunan Sistem/Modul

Secara keseluruhannya UMT telah membangunkan 112 sistem dan modul aplikasi untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan termasuk 11 sistem dan modul telah siap dibangunkan pada tahun 2016. Senarai sistem atau modul aplikasi adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52: Senarai Sistem atau Modul Aplikasi Baharu

Bil.	Sistem/ Modul	Pemilik Sistem
1.	Sistem My-IHSAN	Pusat Islam Sultan Mahmud
2.	Sistem Record of Medical Examination (Penambahbaikan)	Pusat Kesihatan Universiti
3.	Sistem e-Integrasi	Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko
4.	Sistem e-Gigi PKP	Pusat Kesihatan Universiti
5.	Sistem Tuntutan Pensyarah dan Penunjukajar Sambilan	Pejabat Bendahari

Bil.	Sistem/ Modul	Pemilik Sistem
6.	Sistem e-Parsel	Kolej Kediaman Pelajar
7.	Sistem Kewangan Pelajar (Penambahbaikan)	Jabatan Pengurusan Akademik
8.	Sistem e-STAR	Pusat Bakat dan Inovasi Akademik
9.	Sistem e-Undi PMPP	Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar
10.	Sistem MyStar	Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar
11.	Sistem e-Prestasi	Pusat Bakat dan Inovasi Akademik

Perkhidmatan Infrastruktur Internet

Perkhidmatan infrastruktur Internet UMT menggunakan teknologi terkini iaitu *Metro Ethernet* dengan kapasiti 2.2Gbps seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53: Status dan penggunaan perkhidmatan Infrastruktur Internet UMT

Bil	Jenis Perkhidmatan & Teknologi	Kapasiti	Penyedia Perkhidmatan	Kos Tahunan (Tahunan)	Aktiviti Utama
1.	Talian Utama Metro Ethernet	1.2Gbps (1200Mbps)	Telekom Malaysia Berhad	RM1.32 juta (Kontrak 5 Tahun Sehingga Februari 2020)	• Capaian ke Internet keseluruhannya oleh staf dan lain-lain menerusi konsep *Wired Connectivity*.
2.	Talian Pendua Metro Ethernet	1.0Gbps (1000Mbps)	Malaysia Research and Education Network (MYREN)	RM38 ribu (Percubaan 3 Tahun)	• Capaian ke Internet keseluruhannya oleh pelajar (Separate Gateway System). • *Wireless Traffic Highway* • *Teleconferencing System Highway*

Keselamatan ICT

Keselamatan ICT adalah bermaksud keadaan di mana segala urusan menyedia dan membekalkan perkhidmatan yang berasaskan kepada system ICT berjalan secara berterusan tanpa gangguan yang boleh menjejaskan keselamatan. Ia melibatkan aktiviti berkala yang perlu dipantau dan dikawal dari semasa ke semasa untuk menjamin keselamatan pengguna dan sistem ICT.

Terdapat dua jenis serangan yang menggugat keselamatan ICT di UMT iaitu:

a) Serangan dari luar rangkaian UMT sebanyak 11,972 melalui:
   i. *Automated brute force login attempt* - Penyerang menggunakan kaedah serangan *brute force* sebagai cubaan untuk mengakses ke dalam pelayan.
   ii. *OS Other Bash CGI Environment variable injection attempt* - Serangan terhadap kelemahan sistem yang tidak di kemaskini, penyerang boleh mendapatkan data walaupun komunikasi maklumat telah disulitkan (*encrypted)*.
b) Serangan virus ke atas komputer seperti di **Jadual 54** berikut:

Jadual 54: Jenis Serangan Virus Komputer

Bil.	Jenis Virus	Bilangan Komputer
1.	Malware	657
2.	Spyware	537

Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, langkah keselamatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

a) Sistem pengoperasian versi terkini
b) Kemas kini perisian (*patches*)
c) Penggunaan anti virus
d) Mengamalkan kaedah pembangunan perisian yang selamat
e) Penguatkuasaan polisi kata laluan
f) Amalan penggunaan kata laluan yang kukuh
g) Menghubungi pegawai keselamatan ICT dalam sebarang insiden

Secara umumnya, status keselamatan ICT di UMT adalah dalam keadaan terkawal. Langkah-langkah mempertingkat dan memperkasakan keselamatan ICT akan terus dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa dan peruntukan.

Infrastruktur

Pelbagai projek infrastruktur telah disediakan bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan pelajar. Projek-projek ini dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan pembangunan dan peruntukan mengurus yang meliputi pembangunan di Kampus Induk, Kampus Bukit Kor, pusat-pusat penyelidikan seperti Pulau Bidong, Chagar Hutang, Tasik Kenyir dan Stesen Penyelidikan Luar (Setiu Wetland).

Pembangunan Bukit Kor

UMT melalui Pusat Pembangunan dan Harta telah membangunkan dua blok asrama sebagai salah satu kemudahan kepada para penyelidik, pelajar dan warga UMT untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan penyelidikan di Bukit Kor. Antara fasiliti lain yang disediakan secara berperingkat adalah pembinaan jalan/ denai, bangunan pengumpulan hasil tanaman, mercu tanda UMT dan jambatan konkrit sebagai penghubung utama. Kajian guna tanah bagi perancangan pembangunan Bukit Kor adalah sebagaimana berikut:



KOMPONEN GUNATANAH	UNIT	EKAR	HEKTAR	%
PEMBANGUNAN FASA PERMULAAN				
ZON 1 - ZON PUSAT KAMPUS				
PUSAT PENTADBIRAN	1	4.00	1.620	2.40
DEWAN SERBAGUNA	1	4.45	1.800	2.67
PUSAT ISLAM	1	4.94	2.000	2.96
KOMPLEKS PUSAT PELAJAR (PERPUSTAKAAN, MAKMAL & DEWAN KULIAH)	1	5.93	2.400	3.55
ZON 2 - ZON AKADEMIK/ PUSAT PENGAJIAN				
PUSAT PENGAJIAN	3	18.03	7.300	10.80
KOMPLEKS PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN INSANIAH	1	9.34	3.780	5.60
ZON 3 - ZON PUSAT KOMERSIL, INOVASI & LATIHAN				
PUSAT KOMERSIL	1	9.88	4.000	5.92
KOMPLEKS LATIHAN, INOVASI & USAHAWAN	1	14.83	6.000	8.88
ZON 4 - ZON KEDIAMAN UNIVERSITI				
KOLEJ/ ASRAMA PELAJAR	1	8.15	3.300	4.89
KOMPLEKS PERUMAHAN UNIVERSITI	1	3.61	1.460	2.16
ZON 5 - ZON PUSAT SUKAN & REKREASI				
KOMPLEKS SUKAN	1	14.55	5.890	8.72
TAMAN REKREASI & TAKUNGAN AIR	1	7.83	3.170	4.69
TRK JALURAN HIJAU DAN TAMAN REKREASI KAMPUS	1	22.04	8.920	13.21
LAIN- LAIN				
TEMPAT LETAK KENDERAAN BERPUSAT	2	5.09	2.060	3.05
TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN	1	2.25	0.910	1.35
SSU TAPAK STESEN SUIS UTAMA (SSU)	1	0.38	0.155	0.23
TAPAK TANGKI AIR	1	1.04	0.422	0.62
SIMPANAN SUNGAI	-	1.48	0.600	0.89
SIRKULASI JALAN	-	29.05	11.755	17.40
JUMLAH KECIL	-	166.90	67.542	100.00
LAMAN AGROTEK (PENTERNAKAN)	-	35.01	14.170	
LAMAN AGROTEK (LADANG BUAH)	-	27.18	11.000	
LAMAN AGROTEK (LADANG SAYUR & PISANG)	-	113.32	45.860	
PEMBANGUNAN AKAN DATANG	-	83.54	33.810	
HUTAN REKREASI FLORA & FAUNA	-	174.74	70.718	
JUMLAH KESELURUHAN		600.70	243.100	

Projek Pembangunan RMKe-10

Sebanyak tiga projek fizikal di bawah RMKe-10 berada dalam peringkat pembinaan melibatkan projek berikut:

a. Makmal Sains Nautika



Pelan Cadangan Pembangunan



Pembinaan Semasa

Agensi Pelaksana	:	Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek	:	RM8,000,000.00
Tarikh Mula/Siap	:	16 Ogos 2015 / 12 Februari 2017
Fasiliti yang disediakan	:	Makmal *Hydrodynamic/ Coastal/ Offsore*, Makmal *Design & Simulation*, Makmal *Marin Fluid Power*, Makmal *Elektronik Navigation Aid*, Makmal *Stability & Cargo Handing*, Bengkel *Seaman Ship*, Bengkel Nautika, *Studio Chartwork*, Bilik Pegawai, Bilik Siswazah dan Bilik Persediaan.

b. Institut Bioteknologi Marin



Pelan Cadangan Pembangunan



Pembinaan Semasa

Agensi Pelaksana	:	Jabatan Kerja Raya Malaysia
Kos Projek	:	RM10,000,000.00
Tarikh Mula/Siap	:	7 Mac 2016 / 4 Mac 2018
Fasiliti yang disediakan	:	Ruang Galeri, Bilik Pegawai, Cafetaria, Makmal, Surau, Bilik-Bilik Penyelidikan dan Pembelajaran, Ruang Pentadbiran

c. Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir







Agensi Pelaksana	:	Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek	:	RM8,000,000.00
Tarikh Mula/Siap	:	15 Disember 2015 / 12 Jun 2017
Fasiliti yang disediakan	:	Blok Pentadbiran, Dewan Kuliah, Blok Makmal, Kafetaria, Surau, Wakaf Serbaguna, Blok Penginapan (Dorm), Penginapan Penyelidik, Tapak Perkhemahan dan Jeti.

Projek Pembangunan RMKe-11 (*Rolling Plan 1*)

KPT telah meluluskan siling peruntukan pembangunan RMKe-11 (RP1) untuk empat projek baharu seperti di **Jadual 55**:

Jadual 55: Kelulusan Peruntukan Pembangunan RMKe-11

Bil.	Tajuk Projek	Kos Keseluruhan (RM)	Peruntukan Diluluskan 2016 (RM)
PROJEK BARU RMKe-11			
1.	Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor	25,000,000.00	5,000,000.00
2.	Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	9,000,000.00	3,400,000.00
3.	Pembinaan Lingkaran Jalan dan Jambatan Untuk Kemudahan Asrama PFI	8,112,000.00	-
4.	Pembangunan Lestari Stesen Penyelidikan Luar	3,000,000.00	1,000,000.00
	JUMLAH	**45,112.000.00**	**9,400,000.00**

a. Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Bukit Kor





Agensi Pelaksana	:	Jabatan Kerja Raya
Status Kemajuan	:	Peringkat reka bentuk dan dijangka tender pada Julai 2017
Fasiliti yang disediakan	:	Blok Pentadbiran, Blok Pengajaran, Blok Sukan, Rekreasi & Kebudayaan, Blok Badan Beruniform & Astaka, Plaza, Pentas Terbuka, Padang Kawad, Lapang Sasar.

b. Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur PPSPA





Agensi Pelaksana	:	Universiti Malaysia Terengganu
Status Kemajuan	:	Peringkat reka bentuk dan dijangka tender pada Februari 2017
Fasiliti yang disediakan	:	Blok Pentadbiran, Makmal Penetasan, Makmal Asuhan dan Pengeluaran, Makmal Makanan Formula & Bengkel Akuakultur dan Ruang Kompleks.

c. Pembangunan Lestari Stesen Penyelidikan Luar



Fasiliti sedia ada



Fasiliti selepas naik taraf

Agensi Pelaksana	:	Universiti Malaysia Terengganu
Status Kemajuan	:	Peringkat reka bentuk dan dijangka tender pada Februari 2017
Fasiliti yang disediakan	:	Lobi, Bilik Seminar, Makmal, Asrama, Bilik Penyelidik, Dapur dan Ruang Makan.

Projek Pembangunan Lestari

Blueprint kampus lestari merupakan satu polisi panduan dan polisi perancangan pembangunan kampus lestari di UMT. Dokumen ini memaparkan visi dan misi warga kampus bagi mencapai kelestarian dan kelangsungan masa depan sebuah kampus hijau. Kampus hijau merujuk kepada udara yang nyaman, air yang bersih dan landskap yang indah.

Pelaksanaan Kampus Lestari bertujuan untuk menambah baik keberkesanan penggunaan tenaga, memelihara sumber dan mempertingkatkan kualiti persekitaran kampus. Ini hanya dapat dicapai melalui pendekatan kampus lestari serta projek-projek khusus yang dirancang bagi menghasilkan sebuah ekosistem hidup yang sihat dan kondusif. Pelaksanaan kampus lestari ini sebenarnya dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang yang baik dan menguntungkan.

Antara projek/program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. Program Hari Bebas Kenderaan Bermotor

Program ini merupakan salah satu daripada komponen yang terdapat di dalam Blueprint Kampus Lestari yang diadakan dengan objektif utama seperti berikut:

i. Mengawal pencemaran Karbon Monoksida.
ii. Memupuk budaya cintakan alam semulajadi
iii. Membudayakan gaya hidup sihat warga UMT.
iv. Mengurangkan kesesakan lalulintas di dalam kampusUMT.





b. Taman Botani dan Program Penyerahan Pokok oleh Jabatan Landskap Negara

Kawasan padang bola sepak sedia ada telah bertukar wajah menjadi Taman Botani yang menempatkan pelbagai spesis tumbuhan bagi menyokong usaha melestarikan kampus sebagai kampus hijau. Selain itu, UMT juga telah menerima sebanyak 80 bilangan pokok daripada Jabatan Landskap Negara.









Laporan Pencapaian Outcome Program/Projek Pembangunan

Projek Kompleks Penyelidikan INOS dan AKUATROP telah dipilih untuk dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Outcome (JKPO) bagi Kementerian Pengajian Tinggi.

Kompleks Penyelidikan INOS dan AKUATROP merupakan sebuah bangunan yang amat penting dalam memberikan perkhidmatan kepada aktiviti penyelidikan dan pembelajaran berimpak tinggi. Ini terbukti dengan keputusan yang sangat cemerlang dengan markah penilaian sebanyak 93.3%.





KAMUS *PERFORMANCE SCORECARD*

TERMA	SKALA PENGUKURAN	DESKRIPSI	PENCAPAIAN
BELOW TARGET (BT)	< 70%	Tidak mencapai atau hampir mencapai sasaran dan objektif yang ditetapkan. Pencapaian output dan outcome adalah di tahap yang tidak memuaskan. Memberikan kesan yang sedikit kepada golongan sasar.	BT
ON TARGET (OT)	70% - 74%	Pencapaian output dan outcome mencapai sasaran minimum dan memberikan kesan yang sederhana kepada golongan sasar	OT
EXCEED TARGET (ET)	75% - 79%	Pencapaian output dan outcome melebihi sasaran yang ditetapkan. Memberikan kesan yang ketara kepada golongan sasar	ET
SIGNIFICANTLY EXCEED TARGET (ST)	≥ 80%	Pencapaian output dan outcome melebihi sasaran yang ketara. Memberikan kesan yang sangat besar kepada golongan sasar.	ST



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Sijil Penghargaan

Dengan ini dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan

kepada

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

di atas

LAPORAN PENCAPAIAN OUTCOME PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH DINILAI OLEH JAWATANKUASA PENILAIAN OUTCOME (JKPO) 2016 BAGI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

TAJUK KERTAS	PEMATUHAN METODOLOGI LAPORAN	PENCAPAIAN OUTCOME PROJEK
i. Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ii. Pembinaan Institut Oseanografi (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT	90.8	95.8

PENCAPAIAN JKPO KPT 2016 **93.3%**

TAN SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi

LAPORAN KEWANGAN




UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UEF
UEF
ENDOWMENT FUND



Prestasi Kewangan

Pendapatan UMT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berjumlah RM244.10 juta iaitu menurun sebanyak 4.33% atau RM11.06 juta berbanding tahun 2015. Manakala UMT mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM244.51 juta iaitu meningkat sebanyak 0.85% atau RM2.06 juta berbanding tahun 2015 seperti di **Rajah 32**.

	2016 (RM)	2015 (RM)	Peratus Kenaikan/ Penurunan (+/-)
Pendapatan	244,101,537	255,156,972	-4.33%
Perbelanjaan	244,506,640	242,443,186	+0.85%

Rajah 32: Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2016 dan 2015

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UMT bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2012 sehingga 2016 adalah sepertimana **Rajah 33**.

	2016 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	244.10	255.16	269.99	225.33	200.90
Perbelanjaan	244.51	242.44	226.65	218.28	184.71

Rajah 33: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2012 Sehingga 2016

Pendapatan

Daripada keseluruhan pendapatan universiti pada tahun 2016, geran kerajaan merupakan sumber pendapatan utama berjumlah RM175.06 juta (71.72%). Komponen pendapatan kedua terbesar ialah pendapatan yuran menyumbang RM24.20 juta (9.91%). Manakala pendapatan geran modal direalisasi berjumlah RM23.89 juta (9.79%) dan lain-lain pendapatan berjumlah RM20.95 juta (8.58%). Perkara ditunjukkan dalam **Rajah 34**.



Rajah 34: Komponen Pendapatan Universiti Tahun 2016 dan 2015

Perbelanjaan

Pada tahun 2016, perbelanjaan emolumen merupakan perbelanjaan utama universiti berjumlah RM107.60 juta (44.01%) diikuti dengan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM89.23 juta (36.49%). Manakala, RM27.38 juta (11.20%) adalah belanja susutnilai, RM13.42 juta (5.49%) adalah perbelanjaan pemberian dan kenaan tetap dan perbelanjaan lain berjumlah RM6.88 juta (2.82%). Perkara ditunjukkan dalam **Rajah 35.**



Rajah 35: Komponen Perbelanjaan Universiti Tahun 2016 dan 2015

Aset dan Liabiliti

